



# پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.42 SUBUH 4.52 SYURUK 6.09 DUHA 6.31 ZUHUR 12.13 ASAR 3.22 MAGHRIB 6.15 ISYAK 7.24 Daerah Belait ditambah 3 minit

TAHUN 69 BILANGAN 116

25 SEPTEMBER 2024 / 1446

بیان الال

21

MANISNYA IMAN

DARIPADA Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Dikatakan kepada pembaca Al-Quran : Bacalah dan naiklah, bacalah sebagaimana kamu membacanya di dunia. Sesungguhnya tempat kamu (di syurga) adalah pada ayat terakhir yang kamu bacakannya".  
- Hadis Riwayat Abu Daud.

JABATAN PENERANGAN

Daerah Tutong ditambah 1 minit

EDISI RABU PERCUMA

## CAPAI PERKONGSIAN MEMUDAHKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI ADIL, INKLUSIF

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,  
Hernie Suliana Haji Othman

**NEW YORK CITY, AMERIKA SYARIKAT**, Ahad, 22 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Summit of the Future yang diadakan pada The 79th Session of the United Nations General Assembly yang bertempat di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York City, Amerika Syarikat (AS), pagi tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

>> Muka 3

**KEBAWAH DULI YANG MAAH MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** berkenan mengurniakan titah semasa menghadiri Sidang Kemuncak Summit of the Future yang diadakan pada The 79th Session of the United Nations General Assembly.



## Komited mendukung misi pengaman, inisiatif tangani kemiskinan

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

**NEW YORK CITY, AMERIKA SYARIKAT**, Isnin, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri perjumpaan bersama Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama António Guterres, berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York City, Amerika Syarikat (AS). Semasa perjumpaan berkenaan,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia antara lainnya bertitah menekankan, dalam menyambut Ulang Tahun Ke-40 menjadi ahli kepada PBB pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mendapat manfaat secara meluas daripada keahlian berkenaan.

>> Muka 2

## YSHHB terima Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7

Siaran Akbar : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO**, Selasa, 24 September. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah diiktiraf dan terpilih bagi pihak Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menjadi penerima Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7 (ASEAN IB Ke-7) Tahun 2024 dengan mengambil kira bantuan-bantuan dan sumbangan YSHHB melalui Program Sara Diri.

Program tersebut telah membantu golongan keluarga yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah untuk memulakan

perniagaan dengan diberikan latihan kemahiran dan bantuan modal yang dipantau sehingga mereka berjaya dan mandiri seterusnya membantu keluarga lain yang baru berkecimpung dalam bidang perniagaan. Rantaian bantuan yang berterusan dalam program tersebut adalah menepati kriteria penilaian Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN (ASEAN Inclusive Business - ASEAN IB) dan telah menarik minat Jawatankuasa Penyelaras ASEAN Micro, Small and Medium Enterprises (ACCMSME).

Sehubungan itu, penyampaian anugerah

berkenaan diadakan semasa berlangsungnya Forum Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7 yang diadakan di Grand Ballroom, Lao Plaza Hotel, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao, di sini.

Menerima anugerah tersebut bagi pihak YSHHB ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB.

>> Muka 4



## Berita Utama



MAJLIS Resepsi rai  
Hari Kebangsaan Arab Saudi

Muka 5



PENDEDAHAN, pengetahuan  
khusus kesan negatif  
lapisan ozon

Muka 7



SISTEM Perpustakaan 2.0  
dilancarkan

Muka 9



RENCANA  
SCSN giat tingkatkan kesedaran  
penjagaan diri

Muka 20

# Komited mendukung misi pengaman, inisiatif tangani kemiskinan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman

## >> Muka 1

Oleh itu, NBD menekankan komitmen teguh kepada sistem pelbagai hala melalui misi-misi pengaman dan inisiatif-inisiatif menangani kemiskinan dan pendidikan.

Di peringkat serantau, sokongan PBB telah memberi manfaat kepada semua Negara-negara Anggota ASEAN. Tambahan pula, ASEAN telah mengambil langkah kukuh dalam merealisasikan usaha-usaha pembangunan komuniti dengan Rakan-rakan Dialog termasuk mengalu-alukan kemasukan Timor-Leste ke dalam

### ASEAN.

Selain itu, penyelesaian diplomatik bagi situasi politik di Myanmar yang berpandukan Konsensus Lima Perkara turut ditimbulkan oleh baginda.

Dalam perkara ini, kerjasama yang lebih kukuh antara the U.N. Special Envoy to Myanmar dan Special Envoy to ASEAN Chair on Myanmar juga perlu lebih digalakkan.

Akhir sekali, NBD kekal komited untuk terus bekerjasama rapat bersama Tuan Yang Terutama dan PBB bagi memajukan lagi kerjasama pada tahun-tahun mendatang.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri perjumpaan bersama Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama António Guterres, berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York City, Amerika Syarikat.

## WAKTU SEMBAHYANG

September MASIHI	HARI	Rabiuulawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	RABU	21	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
26	KHAMIS	22	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.14	7.23
27	JUMAAT	23	4.42	4.52	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
28	SABTU	24	4.41	4.51	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.22
29	AHAD	25	4.41	4.51	6.08	6.30	12.12	3.22	6.13	7.22
30	ISNIN	26	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22
1 Oktober	SELASA	27	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Bangar		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Kuala Belait		
30 °C	31 °C	32 °C
24 °C	25 °C	24 °C
Wallahualam Bissawab		
31 °C	31 °C	32 °C
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	www.met.gov.bn	

## SIDANG PENGARANG 25 SEPTEMBER 2024

### Tingkatkan kesedaran diagnosis betul, tepat

**H**ARI Keselamatan Pesakit Sedunia disambut bagi meningkatkan kesedaran berkaitan dengan diagnosis yang betul dan tepat serta mencapai matlamat ketepatan serta mengelakkan berlaku kesilapan semasa proses diagnosis yang menyebabkan pesakit akan mengalami penderitaan penyakit yang berpanjangan sehingga boleh mengancam nyawa pesakit berkenaan.

Negara anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyambut Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada setiap 17 September dan pada tahun ini membawa tema 'Menambah Baik Diagnosis Untuk Keselamatan Pesakit'. Tema ini, memfokuskan kepentingan dan ketepatan diagnosis dalam penjagaan kesihatan demi melindungi keselamatan pesakit.

Diagnosis merupakan asas rawatan yang dikenal pasti sangat berkesan. Diagnosis yang betul dan tepat pada masanya bukanlah sekadar untuk mencapai matlamat ketepatan akan tetapi ia berfungsi sebagai satu keperluan untuk sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2024 baru-baru ini antara lain menyatakan Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia bermatlamat menyampaikan empat mesej utama iaitu Diagnosis yang betul dan tepat adalah langkah pertama yang berkesan dalam pencegahan dan rawatan penyakit; Pemahaman terhadap proses diagnostik adalah kunci bagi mengurangkan kelewatan diagnosis; Kepelbagaian tentang cara penyelesaian yang tersedia ada adalah strategi untuk menangani kesilapan diagnostik; dan Diagnosis yang betul dan tepat dalam penjagaan kesihatan adalah memerlukan kerjasama serta komitmen daripada semua pihak.

Menurut Yang Berhormat lagi, pada masa ini Kementerian Kesihatan mengambil peluang penggunaan teknologi dan menjadikannya sebagai salah satu usaha bagi memperbaiki asas penjagaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya, pengenalan kepada aplikasi telefon bimbit seperti BruHealth merupakan satu contoh inovasi dan transformasi kesihatan di mana rekod-rekod kesihatan elektronik daripada peralatan diagnostik termasuk penganalisaan data dipacu dan disepadukan dengan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence untuk meningkatkan ketepatan diagnostik.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan beberapa ciri-ciri seperti 'Health Index' dan 'National Health Screening Programme' di dalam sistem BruHealth yang antara lain tujuannya untuk membantu orang awam meningkatkan kepekaan, pengesanan dan pencegahan terhadap risiko awal penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit diabetes, penyakit darah tinggi dan penyakit kolesterol tinggi.

Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dan bekerjasama dengan semua pihak termasuk pesakit, ahli profesional kesihatan dan penggubal dasar bagi memastikan setiap diagnosis dibuat adalah betul dan tepat. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga akan mempertingkatkan proses diagnostik penyakit dengan memperbaiki komunikasi dan melibatkan pesakit secara lebih aktif dalam penjagaan kesihatan.

Dengan adanya usaha bersepdua ini akan membantu dalam mengurangkan kesilapan dan mencegah kelewatan diagnosis serta mencapai sistem penjagaan kesihatan yang selamat dan berkesan untuk semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Justeru itu, semua pihak memainkan peranan yang penting dalam sama-sama memastikan keselamatan diagnosis.

- Ketua Penyuntingan (Rd)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KERJASAMA PENDIDIKAN NBD-KOSOVO PUPUK PERSAHABATAN, PERSEFAHAMAN

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman

**NEW YORK CITY, AMERIKA SYARIKAT**, Isnin, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Vjosa Osmani-Sadriu, berlangsung di Park Hyatt New York.

Semasa Perjumpaan Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah mengalukan lebih banyak pelajar Kosova untuk melanjutkan pelajaran di bawah Biasiswa Kerajaan NBD bagi memupuk persahabatan dan persefahaman yang lebih erat di kalangan belia.

Dalam hal ini, baginda mengalukan lebih banyak pelajar Kosova untuk melanjutkan pelajaran di bawah Biasiswa Kerajaan NBD bagi memupuk persahabatan dan persefahaman yang lebih erat di kalangan belia.

Di samping itu, sumbangan kewangan Brunei melalui Tabung Insanah Kosovo 2000 telah membantu membentuk biasiswa untuk pelajar Kosova dan rumah anak yatim, serta membina sekolah dan masjid-masjid.

Menyentuh mengenai PBB, baginda, antara lainnya menekankan komitmen NBD untuk menggalakkan keamanan dan kestabilan yang berkekalan di Kosova di bawah Misi Pentadbiran Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Kosovo (UNMIK).

Kebawah DYMM dan Puan Yang Terutama juga membincangkan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama termasuk perkembangan di Rusia-Ukraine; situasi di Palestin-Israel serta hubungan kuasa-kuasa besar.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Vjosa Osmani-Sadriu, berlangsung di Park Hyatt New York.

## Capai perkongsian memudahkan kemajuan teknologi adil, inklusif

### >> Muka 1

Semasa Sidang Kemuncak ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah menekankan bahawa PBB telah bangkit lebih 80 tahun yang lalu daripada dunia yang berpecah belah akibat konflik demi mewujudkan aspirasi secara kolektif bagi masa hadapan yang dijalankan atas perpaduan dan bukannya perpecahan.

PBB, tegas baginda, telah mengemudi kebangkitan dan kejatuhan empayar serta kesan bencana alam dan wabak pandemik. Walau bagaimanapun, di sebalik kesukaran ini, prinsip kemanusiaan PBB kekal sebagai panduan semua dalam menghadapi cabaran global yang baharu dan baru muncul.

Selaras dengan tema, 'Summit of the Future : Multilateral Solutions for a Better Tomorrow', Kebawah Duli Yang Maha Mulia menggariskan tiga perkara utama. Pertama, dalam dunia yang saling berhubung ini, jurang digital mengancam untuk memperdalam ketidaksamaan antara negara dan masyarakat.

Namun begitu, hanya melalui keamanan global boleh manusia berusaha untuk mencapai kemajuan luar biasa dalam teknologi, perubatan dan infrastruktur. Oleh itu, baginda menegaskan bagi mengekalkan keamanan global untuk memastikan kita semua terus berusaha mencapai perkongsian yang memudahkan kemajuan teknologi yang adil dan inklusif

untuk semua negara.

Kedua, bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) Matlamat Pembangunan Milenium dan Matlamat Pembangunan Mampan bukan sekadar penanda aras, bahkan adalah suar harapan untuk masa hadapan yang lebih baik. Oleh itu, Summit of the Future memperkuuh komitmen bahawa tiada sesiapa tertinggal dan yang berpaksikan teguh dalam nilai yang menentukan kemanusiaan kita bersama.

Sementara itu perkara ketiga, NBD sebagai ahli kepada PBB dan ASEAN sejak empat dekad lalu telah menerima peranan globalnya dengan menyokong multilateralisme dan perundungan antarabangsa berdasarkan peraturan bagi memelihara keamanan, keselamatan dan kestabilan di rantau dan seterusnya.

Landskap keamanan antarabangsa semasa, tambah baginda, berada pada persimpangan kritis, dengan konflik berterusan dan kebuntuan diplomatis menguji daya tahan kerjasama global.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah menyatakan bahawa Summit of the Future mengesahkan kembali komitmen untuk menegakkan Piagam PBB dan undang-undang antarabangsa tanpa prejedis atau diskriminasi bagi menyatakan negara-negara dengan kukuh.

Ke arah ini, baginda menzhahirkan keyakinan bahawa visi kolektif dapat sama-sama diubah menjadi realiti yang cerah untuk generasi masa kini dan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Summit of the Future yang diadakan pada The 79th Session of the United Nations General Assembly. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

akan datang, inilah 'Pact for the Future' kita.

Sidang Kemuncak Summit of the Future ini juga dihadiri oleh para pemimpin dunia untuk sama-sama meningkatkan kerjasama dalam menangani cabaran-cabaran global semasa dan yang mendatang serta menyediakan peluang dalam membina semula kepercayaan bagi kerjasama antarabangsa ke arah membentuk masa depan yang lebih baik untuk semua. Ia juga menegaskan semula komitmen yang sedia ada,

termasuk Matlamat Pembangunan Mampan dan Piagam PBB.

Terdahulu sebelum itu, dalam mempamerkan perpaduan global untuk generasi masa kini dan akan datang, dokumen hasil 'Pact for the Future' telah diluluskan semasa Segmen Pembukaan Summit of the Future.

Dokumen ini memfokuskan lima bidang iaitu Pembangunan Mampan dan Kewangan untuk Pembangunan; Keamanan dan Keselamatan Antarabangsa; Sains, Teknologi dan Inovasi

dan Kerjasama Digital; Belia dan Generasi Masa Depan; dan Mengubah Tadbir Urus Global. Selain itu, dokumen 'Global Digital Compact' dan 'Declaration on Future Generations' juga telah disahkan.

Sidang Kemuncak berkenaan juga didahului oleh kenyataan-kenyataan daripada Presiden Perhimpunan Agung PBB, Tuan Yang Terutama Philemon Yang; Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama António Guterres dan wakil-wakil belia.

# MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Syarikat Nozoly di Arab Saudi, Dato Jamil Sulaiman Bondagji, yang merupakan penyedia perkhidmatan haji bagi jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) di Mekah, Madinah dan Mashaer (Arafah dan Mina) (atas dan kanan).

**BERAKAS**, Isnin, 23 September. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Syarikat Nozoly di Arab Saudi, Dato Jamil Sulaiman Bondagji, yang

merupakan penyedia perkhidmatan haji bagi jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) di Mekah, Madinah dan Mashaer (Arafah dan Mina) berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis, hari ini.

Semasa kunjungan

tersebut, Dato Jamil Sulaiman Bondagji mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak pengurusan jemaah haji NBD, khususnya Pejabat Urusan Jemaah Haji, atas kejayaan pengurusan haji bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masih yang berjalan dengan cemerlang.

Jemaah haji NBD juga telah melaksanakan ibadat haji dengan lancar dan sempurna. Beliau seterusnya berharap agar kerjasama yang terjalin dapat

dingkatkan lagi pada masa akan datang.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad serta pegawai-pegawai Jabatan Urusan Haji, KHEU.

Terdahulu, Dato Jamil Sulaiman Bondagji mengadakan perjumpaan

dengan Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad, selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD, di Bilik Mesyuarat Jabatan Urusan Haji, KHEU.

Antarajuan perjumpaan tersebut adalah untuk membincangkan persiapan pengurusan jemaah haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1446H /2025M, khususnya bagi meneliti perkhidmatan haji di Mashaer (Arafah dan Mina) sebagai usaha untuk menambah baik pengurusan haji pada musim haji akan datang.

## YSHHB terima Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7



Siaran Akbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### >> Muka 1

Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Menyampaikan Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7 Tahun 2024 bagi pihak Sekretariat ASEAN kepada kesemua penerima tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Sithphaxay.

Sementara itu, forum dua hari berkenaan juga dihadiri oleh dua orang pegawai YSHHB iaitu Pemangku Penolong Pengarah Urusan YSHHB (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial), Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman; dan Pegawai YSHHB (Program Sara Diri), Awang Mohammad Ali Rahman bin Awang Besir yang mengongsikan Tatacara Perlaksanaan Program Sara Diri melalui Projek Bantuan Keusahawanan YSHHB yang telah mula diperkenalkan sejak tahun 2015 bersama wakil-wakil dari negara

**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB semasa menerima Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7 Tahun 2024 bagi pihak YSHHB (atas kiri dan atas kanan).

ASEAN yang lain.

YSHHB telah menerima jemputan dari Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dalam kapasiti mereka sebagai *focal point* dan wakil utama bagi NBD kepada Jawatankuasa Penyelaras ACCMSME untuk mengemukakan permohonan Anugerah ASEAN IB Ke-7 Tahun 2024.

Anugerah ASEAN IB telah

mula diperkenalkan di Peringkat ASEAN sejak tahun 2017 untuk penekanan yang lebih besar dalam mewujudkan persekitaran yang membolehkan Perniagaan Inklusif (Inclusive Business).

ACCMSME telah menerajui dalam mempromosikan Perniagaan Inklusif di ASEAN pada tahun 2018 iaitu dengan menyediakan pembinaan kapasiti dan bantuan teknikal, modal perniagaan

menggalakkan pembangunan pengusaha-pengusaha kecil menyatupadukan ke dalam rantaian nilai serantau dan global.

ASEAN IB adalah bagi menyerlahkan tatacara yang dipraktikkan dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah untuk berdikari dan mandiri melalui perniagaan dan perusahaan kecil.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

**BARU**

### PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



### PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Merandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berhenti Sekolah)



### PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
memandangkan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang belum
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



### PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



### PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



# MAJLIS RESEPSI RAI HARI KEBANGSAAN ARAB SAUDI

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**JERUDONG**, Selasa, 24 September. - Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di negara ini malam tadi mengadakan Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kerajaan Arab Saudi Ke-94 yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Ketibaan tetamu kehormat majlis dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraiithin.

Acara dimulakan dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran dan Surah Al-Fatiyah dibacakan oleh Awang Ahmad Mufrif Azzawani bin Haji Mohd. Zainil Arifin Lubis.

Pada majlis itu, tetamu

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hadir pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kerajaan Arab Saudi Ke-94 yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong (kiri dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

kehormat majlis menerima cenderamata daripada TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD.

Majlis kemudian diserikan dengan tayangan video mengenai Kerajaan Arab Saudi, yang antara lain mengetengahkan mengenai haji dan umrah iaitu Program Pengalaman Haji yang merupakan salah satu program di mana Arab Saudi merancang untuk merealisasikan Wawasan Saudi 2030.

Turut ditayangkan video mengenai Inisiatif Hijau Saudi - Masa depan yang lebih hijau dan kualiti hidup yang lebih baik; Ekspo Riyadh 2030 - Wajah Riyadh; dan Saudi 2034 (Piala Dunia FIFA Arab Saudi 2034).

NBD dan Arab Saudi mempunyai bukan sahaja hubungan persahabatan yang erat tetapi juga hubungan persaudaraan serta kerjasama dua hala yang sekian lama terjalin antara negara dan rakyat kedua-dua buah negara.



## Dk. Siti Nurkhairina dianugerahkan Biasiswa The Chancellor's Scholar



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

**TUNGKU LINK**, Selasa, 24 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penganugerahan Biasiswa The Chancellor's Scholar bagi Sesi Akademik 2024 / 2025 kepada seorang pelajar cemerlang, Dayangku Siti Nurkhairina binti Pengiran Metusin.

Sehubungan itu, majlis penandatanganan dan penyampaian biasiswa berkenaan diadakan petang tadi di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam

(UBD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penganugerahan berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Menandatangani bagi pihak UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan disaksikan oleh Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah sebagai saksi.

Dayangku Siti Nurkhairina merupakan graduan Kelas Pertama daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan pengkhususan dalam Tafsir dan Hadith serta minor dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan majlis penandatanganan dan menyempurnakan penyampaian sijil penganugerahan Biasiswa The Chancellor's Scholar bagi Sesi Akademik 2024 / 2025 kepada Dayangku Siti Nurkhairina binti Pengiran Metusin (atas dan atas kiri).

Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Usuluddin dengan Kepujian di mana fokus penyelidikannya adalah mengenai Tafsir dan perkembangannya di Negara Brunei Darussalam.

Beliau turut mempunyai pengalaman kepimpinan sebagai Naib Presiden II Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA (2017/2018) dan telah memimpin pelbagai program pembangunan pelajar di bawah Majlis Perwakilan Pelajar.

Dayangku Siti Nurkhairina akan melanjutkan pengajian PhD dalam Tafsir Al-Quran dan Sains (Ulum Al-Quran) yang menumpukan kepada kesihatan mental di Universiti Jordan. Bidang pilihannya adalah

relevan dengan UBD, yang akan dapat menyumbang dalam bidang Islam kontemporari di Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, UBD.

The Chancellor's Scholar adalah biasiswa berprestij yang dianugerahkan setiap tahun kepada belia cemerlang di negara ini yang mempunyai minat yang mendalam untuk meneruskan kerjaya dalam bidang akademik di UBD.

Pemegang biasiswa ini akan menerima pendidikan yang cemerlang di peringkat pascasiswazah, sehingga PhD di universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia. Para sarjana yang berkualiti tinggi akan dibimbing

melalui program pembangunan peribadi, mentorship dan penempatan bersama akademik di UBD serta institusi luar negara, serta menyumbang sebagai akademik dan penyelidik serta pemimpin, pengurus dan perancang masa depan UBD.

The Chancellor's Scholar pertama kali diperkenalkan pada tahun 2012. Sehingga kini, seramai 15 pelajar telah menerima biasiswa yang berprestij tersebut.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh; serta pegawai dan kakitangan daripada UBD dan Kementerian Pendidikan.

# Rasulullah rahmat bagi seluruh alam

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 September. - Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah cahaya yang menjadi rahmat bagi seluruh alam, di mana Allah Subhanahu Wata'ala sendiri yang menegaskan melalui firman-Nya dalam Surah Al-Anbiya', ayat 107 yang bermaksud "Kami tidak mengutus engkau ( wahai Muhammad), melainkan sebagai rahmat bagi seluruh alam".

Alam bermaksud seluruh makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala, dan dinamakan sebagai alam kerana ia adalah alamat atau tanda kewujudan, keagungan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, tuhan sekalian alam.

Malah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memperihalkan mengenai diri Baginda sendiri: "Wahai manusia, sesungguhnya aku adalah rahmat yang dianugerahkan". (Hadith Riwayat al-Hakim dan at-Thabarani).

Perkara tersebut merupakan antara inti pati Ceramah Khas yang bertajuk 'Rasulullah Rahmat Sekalian Alam', yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama

Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, semasa Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), di sini.

Tambahnya, rahmat adalah kasih sayang dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam diutuskan semata-mata untuk membawa risalah ketauhidan, iaitu dengan mengeluarkan manusia daripada lembah penghambaan sesama manusia kepada semata-mata menyembah Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan yang Esa. Risalah tauhid ini disampaikan dengan penuh rahmat melalui jalan dakwah iaitu mengajak manusia beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Rahmat yang dibawa oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam jelasnya, mengatasi segala pemikiran dan sempadan berpandukan wahyu dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala, bukan mengikut hawa nafsu dan logik akal. Hanya dengan wahyu dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang akan membawa manusia kepada jalan kebenaran dan kejayaan.



YANG Mulia Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas tersebut (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan. Sementara gambar bawah kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Justeru tekannya, umat Islam perlu berusaha menguatkan diri untuk patuh dan taat kepada setiap ajaran yang dibawa Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurutnya lagi, Allah Subhanahu Wata'ala juga mengingatkan supaya menerima ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sepenuh hati dan tidak sesekali mengabaikannya.

Hal itu katanya, jelas seperti apa yang terkandung dalam Surah Al-Hasyr, ayat 7 yang bermaksud : "Apa yang diberikan oleh Rasul kepada kamu, maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagi kamu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya".

Hadir selaku tetamu kehormat ke Majlis Ceramah Khas tersebut ialah Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia

Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan Persembahan Dikir beramai-ramai, disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan.

Pada tahun ini, majlis diselenggarakan oleh Jabatan Perbendaharaan, MOFE, yang mana adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan MOFE untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekaligus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir, Pemangku

Setiausaha Tetap (Fiskal I); Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri); ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan daripada Brunei Darussalam Central Bank.



## MENINGKATKAN BIDANG KUASA KERJASAMA MENYELESAIKAN PERTIKAIAN



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa mengalu-alukan kedatangan Setiausaha Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR), Tuan Yang Terutama Paul Lam, SC yang dalam Lawatan Kerja pertamanya ke Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 September. - Ketua Hakim Wan Oon telah mengalu-alukan kedatangan Setiausaha Kehakiman

Dato Seri Paduka Steven Chong Paul Lam, SC yang dalam Lawatan Kerja pertamanya ke Negara Brunei

Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR), Tuan Yang Terutama Paul Lam, SC yang dalam Lawatan Kerja pertamanya ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Lawatan Setiausaha Kehakiman ke NBD menandakan satu peristiwa penting berikutnya pemeteraian Memorandum Kerjasama (MoC)

antara Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Kehakiman Hong Kong (DoJ) pada Mei 2023 di Hong Kong.

MoC tersebut bertujuan untuk mengerakkan hubungan dan meningkatkan kerjasama antara kedua-dua bidang kuasa dalam perkara mengelakkan pertikaian dan penyelesaian.

Ketua Hakim Mahkamah Besar dan Setiausaha Kehakiman menyatakan komitmen bersama mereka untuk merealisasikan MoC dan bertukar-tukar pandangan mengenai peluang selanjutnya untuk kerjasama dalam memudahkan pembangunan perkhidmatan mengelak dan menyelesaikan pertikaian di NBD dan Hong Kong SAR.

Penandatanganan MoC dan lawatan timbal balik oleh Setiausaha Kehakiman dan delegasinya adalah bukti sejarah panjang dan persahabatan mesra antara NBD dan Hong Kong SAR serta memperkuatkan hubungan ekonomi, perdagangan dan ikatan rakyat dengan rakyat.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

**GADONG**, Isnin, 23 September. - Dalam menangani isu-isu Protokol Montreal, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan selaku Fokal Kebangsaan telah menganjurkan Pembarigaan Senegara mengenai dengan penggunaan peralatan penyejuk yang mengandungi gas mudah terbakar (*flammable*) sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia (WOD) 2024 yang berlangsung di Rizqun International Hotel, hari ini.

Hadir bagi menyempurnakan pembarigaan tersebut ialah Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing; Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat; Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'; Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas dan Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.



PENGARAH Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit semasa menyampaikan ucapan perasmian.

## PENDEDAHAN, PENGETAHUAN KHUSUS KESAN NEGATIF LAPISAN OZON



PENGARAH Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit semasa menyertai sesi bergambar ramai pada Pembarigaan Senegara sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia (WOD) 2024 yang berlangsung di Rizqun International Hotel. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Dr. Haji Muhammad Majdi bin Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, diikuti dengan penyampaian sebanyak 61.8 peratus daripada garis dasar yang telah ditetapkan. Ahlamdulillah negara setakat ini telah menepati sasaran yang telah diberikan oleh pihak Protokol di mana NBD telah berjaya mengurangkan sebanyak 61.8 peratus daripada garis dasar yang telah ditetapkan.

Dalam ucapannya menyatakan WOD disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati komitmen dan obligasi setiap negara ahli untuk melindungi lapisan ozon bumi dan tema pada tahun ini ialah Montreal Protocol: Advancing Climate Action.

Tema ini jelasnya dipilih untuk meraikan lebih tiga dekad komitmen dan usaha-usaha negara ahli yang telah dilaksanakan untuk melindungi dan memulihkan lapisan ozon di bawah Protokol Montreal dan seterusnya menyelamatkan bumi daripada kesan perubahan iklim.

"Dengan itu Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama-sama 197 buah negara parti lain kepada Protokol Montreal akan

sentiasa komited dan memenuhi obligasi dalam menangani masalah penipisan lapisan ozon.

"Alhamdulillah negara setakat ini telah menepati sasaran yang telah diberikan oleh pihak Protokol di mana NBD telah berjaya mengurangkan sebanyak 61.8 peratus daripada garis dasar yang telah ditetapkan.

Saya percaya dengan kerjasama semua pihak, negara akan dapat mencapai sasaran seterusnya iaitu sebanyak 67.5 peratus pada tahun 2025 ini nanti," terang beliau.

Menurutnya lagi, sasaran ini dicapai melalui Sistem Permit Import (AP) dan pembahagian kuota pengimportan HCFC yang mula berkuat kuasa 1 Januari 2013 dan juga kerjasama daripada agensi berkepentingan.

Usaha secara global untuk memelihara lapisan ozon telah menunjukkan kesan yang sangat positif, namun misi di bawah payung Protokol Montreal ini belum tamat lagi. Pihak Protokol telah mendapat bahawa gas alternatif yang digunakan untuk menggantikan

Menghakis Lapisan Ozon (Ozone Depleting Substances - ODS) ini merupakan gas yang mempunyai nilai Potensi Pemanasan Global (GWP) yang tinggi dan boleh menyebabkan kesan negatif kepada iklim.

Adapun tujuan diadakan pembarigaan ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan khusus bagi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung mengenai dengan kesan negatif kepada lapisan ozon yang disebabkan oleh ODS dan seterusnya alternatif yang diperkenalkan yang bersifat mudah terbakar.

Untuk itu, objektif utama pembarigaan ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan khusus bagi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung mengenai dengan kesan negatif kepada lapisan ozon yang disebabkan oleh ODS dan seterusnya alternatif yang diperkenalkan yang bersifat mudah terbakar.

Pembarigaan ini memberikan pendekatan mengenai dengan amalan terbaik dan tatacara dalam menggunakan peralatan yang menggunakan *flammable gases* dan peralatan yang menjimatkan tenaga.

Sebanyak empat pembentangan disampaikan sepanjang pembarigaan yang akan diadakan selama satu minggu di keempat-empat daerah iaitu pengenalan kepada lapisan ozon dan Protokol Montreal; pengenalan mengenai tatacara amalan terbaik (*best practices*) dalam menggunakan gas bersifat mudah terbakar (*flammable*); pengenalan mengenai

Energy Efficiency (Standards and Labelling) Act dan pengenalan mengenai Fire Safety Certification dan Fire Safety Order.

Untuk itu, objektif utama pembarigaan ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan khusus bagi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung mengenai dengan kesan negatif kepada lapisan ozon yang disebabkan oleh ODS dan seterusnya alternatif yang diperkenalkan yang bersifat mudah terbakar.

Pembarigaan ini memberikan pendekatan mengenai dengan amalan terbaik dan tatacara dalam menggunakan peralatan yang menggunakan gas mudah terbakar ini yang sudah berada di pasaran negara seperti melantik juruteknik yang diiktiraf (*certified*) untuk melaksanakan servicing dan memastikan gas yang digunakan adalah diberikan permit dari JASTRe. Pembarigaan Senegara ini akan dilaratkan lagi ke tiga daerah lain pada bulan September ini.

## Membangunkan tenaga kerja berkemahiran digital

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 September. - Sidang Kemuncak Asia Pacific Digital Talent Summit 2024 telah diadakan pada 23 September 2024 di Nanning, Republik Rakyat China dan persidangan tersebut telah dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Berdasarkan tema Sidang Kemuncak iaitu 'Komitmen kepada Pemerksaan Belia untuk Masa Depan', Dr. Haji Azman telah menyampaikan ucaptama dengan mengongsikan usaha Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam memajukan transformasi digital, yang memfokuskan kepada pembangunan bakat digital dan penyelarasian sistem pendidikan dengan trend global.

Dr. Haji Azman seterusnya menekankan usaha utama oleh Sektor Pendidikan yang menyokong Pelan Induk Ekonomi Digital Brunei 2025 dan Matlamat Pembangunan Mampan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang bertujuan untuk mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran

dan memupuk kepimpinan dalam ekonomi digital.

Beliau turut menekankan kepentingan memupuk kerjasama dan pertukaran pengetahuan di Asia Pasifik, melalui perkongsian amalan terbaik, penyelesaian inovatif dan pengajaran yang dipelajari, yang boleh mempercepatkan kemajuan di rantau ini.

Di samping itu, penubuhan platform aktif untuk kerjasama antara institusi akademik, rakan kongsi industri dan kerajaan di seluruh rantau ini bukan sahaja akan meningkatkan keupayaan digital rantau ini tetapi juga memastikan usaha kolektif dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran digital yang boleh memacu pertumbuhan mampan di Asia Pasifik.

Sidang Kemuncak tahun ini telah dianjurkan oleh Huawei, dengan kerjasama ASEAN Foundation dan SEAMEO. Ia menandakan permulaan bagi satu inisiatif yang menghimpunkan lebih daripada 140 belia terpilih dari rantau ini untuk sesi lawatan selama seminggu di China, bagi meningkatkan pengetahuan mengenai China, pembelajaran



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa hadir pada Sidang Kemuncak Asia Pacific Digital Talent Summit 2024 yang telah diadakan pada 23 September 2024 di Nanning, Republik Rakyat China.

digital dan teknologi utama masa kini.

Sidang kemuncak ini mengumpulkan penggalan dasar, pemimpin industri dan

ahli akademik untuk meraikan para peserta serta menekankan kepentingan membangunkan bakat muda bagi membuka potensi digital di rantau ini.

Mengiringi Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) ke Sidang Kemuncak ini ialah pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan Universiti Teknologi Brunei.

# RAIH PELUANG TINGKATKAN KEMAHIRAN KEPIMPINAN

Siaran Akbar dan Foto : Institut Perkhidmatan Awam

**SETIAUSAHA** Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat majlis pada perasmian Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-31, bertempat di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

**RIMBA**, Selasa, 24 September. - Seramai 25 pegawai kanan kerajaan termasuk pegawai uniform daripada Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei terpilih bagi mengikuti Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-31 bermula 23 September 2024 hingga 21 Disember 2024.

EDPSGO merupakan salah satu program yang dilaksanakan di bawah inisiatif Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) yang diwujudkan untuk menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Institusi di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam.

Perasmian program tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin selaku tetamu kehormat majlis, bertempat di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA),



di sini.

Di dalam ucapan aluananya, tetamu kehormat majlis menyarankan para peserta untuk meraih peluang yang diberikan dalam meningkatkan lagi kemahiran kepimpinan diri masing-masing ke arah menjadi pemimpin-pemimpin yang berdaya tahan, berfikiran ke hadapan, dan mampu menangani cabaran-cabaran yang semakin rumit seperti perubahan iklim.

Sejak mula dikendalikan pada

tahun 1996, ini adalah kali kedua EDPSGO dikendalikan oleh IPA dengan kerjasama Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore.

Buat pertama kalinya bagi kohort tahun ini, Chandler Institute of Governance (CIG), Singapura turut dilibat sama selaku fasilitator program.

Objektif Program Eksekutif selama 13 minggu ini adalah untuk menggilap lagi keupayaan

kepimpinan, kemahiran analisis dalam bidang penggubalan dasar awam dan pengurusan strategik serta penganalisaan dan penglibatan pihak berkepentingan para peserta program.

Program mendedahkan para peserta secara langsung kepada masyarakat melalui Community Outreach Program (COP) selain menempatkan para peserta di jabatan-jabatan secara *internship*.

Turut hadir pada majlis perasmian

tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; Pengarah IPA, Dayang Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh; dan Adjunct Assistant Professor, Ms. Caroline Brassard, selaku wakil Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore, serta pegawai-pegawai daripada JPM dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

## Teroka potensi kerjasama, perkukuh kapasiti bidang perundangan



Siaran Akbar : Pusat Timbangtara Brunei Darussalam  
Foto : Ihsan Hong Kong Special Administrative Region Government

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 September. - Pengurus Pusat Timbangtara Brunei Darussalam (BDAC), Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni menerima kunjungan hormat daripada Setiausaha Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR), Tuan Yang Terutama Paul Lam, SC di BDAC, Jalan Kumbang Pasang. Lawatan berkenaan diakhiri dengan pertukaran cenderamata antara kedua-dua pihak, diikuti dengan sesi bergambar rama.

Turut menyertai Tuan Yang Terutama adalah pegawai-pegawai dari Jabatan Kehakiman, Hong Kong dan Pejabat Ekonomi dan Perdagangan Hong Kong (HKETO) di Jakarta, Indonesia.

Antara perkara yang dibincangkan semasa kunjungan hormat tersebut ialah meneroka potensi kerjasama antara BDAC dan Jabatan Kehakiman

Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong dalam mempromosikan Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) di Brunei Darussalam dan Hong Kong.

Kedua-dua pihak juga membincangkan pengukuhan kapasiti dalam bidang undang-undang dan penyelesaian pertikaian, dengan tujuan untuk meningkatkan bilangan penimbang tara tempatan melalui kerjasama dengan Pusat Timbangtara Antarabangsa Hong Kong (HKIAC) dan institusi-institusi terkemuka yang lain.

Turut hadir semasa kunjungan hormat tersebut ialah Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan BDAC.

Lawatan itu diakhiri dengan pertukaran cenderamata antara kedua-dua pihak, diikuti dengan sesi bergambar rama.



PENGURUSI Pusat Timbangtara Brunei Darussalam (BDAC), Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni menerima kunjungan hormat daripada Setiausaha Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR), Tuan Yang Terutama Paul Lam, SC di BDAC, Jalan Kumbang Pasang. Lawatan berkenaan diakhiri dengan pertukaran cenderamata antara kedua-dua pihak, diikuti dengan sesi bergambar rama (atas, kiri dan bawah).



# SISTEM PERPUSTAKAAN 2.0 DILANCARKAN



NAIB Canselor UBD semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan Sistem Perpustakaan 2.0 yang diadakan di Lobi Perpustakaan UBD (atas, atas kanan dan bawah).



**TUNGKU LINK**, Selasa, 24 September. - Dalam usaha berterusan Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan pengalaman pengguna, Perpustakaan UBD telah mengadakan Pelancaran Sistem Perpustakaan 2.0, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan Sistem Perpustakaan tersebut ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle yang diadakan di Lobi Perpustakaan UBD, di sini.

Sistem baru yang menggunakan KOHA merupakan *open-source* (sumber terbuka) Integrated Library System (ILS), yang mengendalikan Katalog Akses Awam Dalam Talian (OPAC)

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



perpustakaan, membantu pelajar dan kakitangan mencari bahan sumber.

Sementara itu, DSpace meningkatkan aksesibiliti dan memelihara hasil akademik universiti dengan berfungsi sebagai asas untuk repositori institusi baharu Perpustakaan UBD.

Kedua-dua sistem ini akan meningkatkan penemuan sumber dan keupayaan pengarkiran digital dan memberikan pengalaman perpustakaan yang lebih komprehensif dan mesra pengguna.

Dengan menggunakan teknologi sumber terbuka ini, perpustakaan menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 12 : Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab.

Perubahan ini mengurangkan kos penyelenggaraan setiap tahun, memastikan pelesenan berterusan, dan mengurangkan keperluan

untuk penyelesaian proprietari yang memerlukan banyak sumber, di mana membolehkan penggunaan sumber yang lebih cekap.

Kemajuan teknologi seperti pemindahan data dan penggunaan peralatan teknikal RFID yang baharu termasuk mesin *self-checkout* dan tempat pengembalian buku automatik yang dinaik taraf, adalah beberapa ciri utama projek ini.

Inisiatif ini selaras dengan SDG 9 : Industri, Inovasi dan Infrastruktur, di mana perpustakaan terus berkembang menjadi institusi yang berdaya tahan.

Perpustakaan UBD juga mengadakan Pesta Buku, penjualan makanan dan minuman serta beberapa lagi produk lain, Kempen Derma Darah dan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dari 24 hingga 27 September 2024 dan dibuka kepada orang ramai.

## Mesyuarat Sekretariat Pertama MABBIM dirasmikan



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 September. - Majlis Perasmian Mesyuarat Sekretariat Pertama Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) telah diadakan di Radisson Hotel, hari ini.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat MABBIM menjadi tuan rumah penyelenggara mesyuarat tersebut yang akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 24 September hingga 25 September 2024.

Terdahulu, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa sejak ditubuhkan pada tahun

1985, MABBIM telah banyak mengungkayahkan usaha dan strategi dalam mengembangluaskan dan memartabatkan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Pejuang-pejuang bahasa tambahnya, juga telah banyak menyumbangkan bakti, tenaga dan buah fikiran dalam memastikan semangat kebersamaan terus berdiri teguh menghayati nilai kesatuan dan kerjasama serantau, seiring dengan tujuan dan objektif MABBIM ditubuhkan.

Dengan yang demikian, Dayang Hajah Haireni melahirkan kepercayaan, terealisasinya mesyuarat pada hari ini merupakan ketentuan yang telah diizinkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk kita membawa semangat juang yang sama, yang telah



MAJLIS Perasmian Mesyuarat Sekretariat Pertama Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) yang diadakan di Radisson Hotel (atas kiri dan atas).

diusahakan oleh pejuang-pejuang bahasa dalam MABBIM terdahulu. Meskipun situasi sedikit berbeza dengan hambatan dan cabaran dunia yang semakin maju, namun janganlah ia mematahkan semangat dan kesatuan kita.

Beliau turut mengongsikan bahawa majlis bahasa ini juga dihasratkan akan dapat menghubungkan apa jua rangka kerja, agar kita sama-sama saling

berbagi, saling berkongsi dan saling bersilaturahim, khususnya dalam bidang kebahasaan.

Majlis dimulakan dengan kehadiran delegasi perwakilan dan perutusan daripada ketiga-tiga negara anggota MABBIM, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah DBP dan acara diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah DBP dengan

delegasi perwakilan dan perutusan daripada ketiga-tiga negara anggota berserta ahli jawatankuasa kerja.

Mesyuarat Sekretariat Pertama MABBIM akan membincangkan dan menindak lanjuti gerak kerja MABBIM dalam memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi negara anggota.

# PLATFORM MEMPERLUASKAN SEKTOR PELANCONGAN NEGARA

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 23 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan mengambil bahagian lagi pada tahun ini pada Ekspo

Pelancongan Jepun 2024 yang akan berlangsung dari 26 hingga 29 September 2024, di Tokyo Big Sight, salah satu tempat pameran terbesar di

Jepun.

Ekspo Pelancongan Jepun, yang terkenal ini akan menampilkan peserta pameran daripada lebih 150 buah negara dan wilayah. Acara selama empat hari ini termasuk dua hari yang dikhaskan untuk Mesyuarat Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B), memudahkan rangkaian profesional, diikuti dua hari terbuka kepada orang ramai (B2C), menawarkan peserta pameran peluang untuk terlibat secara langsung dengan bakal-bakal pengembara.

Ekspo ini berfungsi sebagai platform untuk lembaga pelancongan antarabangsa, syarikat pelancongan dan profesional hospitaliti untuk berhubung, menggalakkan kerjasama antara sektor swasta dan awam bagi memupuk pertumbuhan dalam pelancongan serta mempromosikan ekonomi serantau.

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi kerjasama dan membina perkongsian baharu, Jabatan Kemajuan Pelancongan, dengan sokongan daripada Kedutaan Besar NBD di Tokyo, akan menganjurkan seminar untuk kira-kira 50 wakil industri pelancongan Jepun, termasuk ejen pelancongan, universiti dan agensi media.

Seminar ini akan memberikan pandangan berharga dalam memasarkan tarikan unik NBD, bertujuan untuk memberi inspirasi kepada lebih ramai pelancong Jepun untuk meneroka Abode of Peace.

Menyertai Jabatan Kemajuan Pelancongan pada Ekspo Pelancongan Jepun ialah tujuh agensi tempatan, termasuk hotel, ejen pelancongan dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Di samping itu, penghibur kebudayaan dari NBD akan



NEGARA Brunei Darussalam akan mengambil bahagian lagi pada tahun ini pada Ekspo Pelancongan Jepun 2024 yang akan berlangsung dari 26 hingga 29 September 2024, di Tokyo Big Sight, salah satu tempat pameran terbesar di Jepun (atas dan kiri).

mempamerkan kekayaan warisan negara, menawarkan pengunjung gambaran sekilas tentang tradisi dan budaya tempatan yang bertentara.

Penyertaan tahun ini berdasarkan kejayaan usaha promosi yang dilancarkan selepas Ekspo Pelancongan Jepun 2023. Inisiatif ini termasuk perjalanan suai kenal untuk Ejen Pelancongan Jepun yang pakar dalam perjalanan pendidikan, bersama-sama dengan wakil dari Biro Lawatan Sekolah Jepun.

Selain itu, tiga pengaruh media sosial Jepun melawat NBD, akan berkongsi pengalaman unik mereka bersama pengikut mereka. Sejak penubuhan perkongsian baharu antara NBD dan Jepun tahun lepas, negara itu menyaksikan peningkatan ketara dalam pelawat Jepun, termasuk kumpulan pelajar.

Jepun secara konsisten berada di kedudukan antara

10 pasaran sumber teratas di NBD, menyumbang kepada 4 peratus daripada 133,630 jumlah ketibaan udara pada 2023.

Bagi tahun 2024, NBD menyasarkan untuk mengalaukan 360,000 pelancong dan menjana pendapatan BND228 juta. Khusus dari Jepun, sasarannya ialah 6,816 pelawat, menjana anggaran pendapatan BND4.29 juta.

Jabatan Kemajuan Pelancongan komited untuk mengukuhkan lagi kehadirannya di pasaran Jepun melalui usaha promosi yang dipergiatkan. Dengan memanfaatkan perkongsian yang telah terjalin dan meneroka peluang baharu, pihak jabatan akan berusaha untuk menarik lebih ramai pelancong Jepun dan mengukuhkan tarikan NBD sebagai destinasi pelancongan teratas mereka.

## Meneroka penemuan saintifik moden

Siaran Akbar : Universiti Brunei Darussalam

**TUNGKU LINK**, Isnin, 23 September. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) akan menganjurkan simposium pencerahan bertajuk 'In the Footsteps of Faith : Bridging Science and Spirituality in the Wisdom of the Quran'.

Tujuan simposium tersebut diadakan adalah untuk meneroka persimpangan penemuan saintifik moden dengan ajaran kerohanian abadi dalam Al-Quran, menonjolkan bagaimana kedua-dua alam boleh bersatu untuk menangani cabaran global kontemporari.

Simposium akan diadakan pada Ahad, 29 September 2024 bermula jam 10.00 pagi di BKISHHB, dibuka kepada semua, termasuk pensyarah, pelajar, dan orang awam, yang ingin mendalamai kefahaman sains melalui lensa rohani.

Simposium itu akan menampilkan empat penceramah, masing-masing menyampaikan perspektif yang unik tentang penumpuan sains dan iman.

Antaranya ialah Dr. Hamzah Mohd. Salleh dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Pegawai Arkeologi, BKISHHB, Awang Haji Muhammad Ruzaini Haji Mohd. Daud; Profesor Madya Dr. Md. Aminul Islam dari Fakulti Sains (FOS), UBD dan Penolong Profesor Kanan di Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER), UBD, Dr. Norhayati Ahmad.

Dr. Hamzah Mohd. Salleh akan menyampaikan ceramah mengenai 'Keperluan Kebajikan dan Integrasi Akhlak dalam Pendidikan untuk Masa Depan Mampan', mengkaji bagaimana menggabungkan nilai murni dan moral dalam pendidikan adalah penting untuk mewujudkan dunia yang mampan, mengambil daripada prinsip Al-Quran untuk menekankan peranan manusia sebagai penjaga bumi.

Sementara itu, Awang Haji Muhammad Ruzaini akan menyampaikan 'Manifestasi Sumber Asli Melalui Inovasi dan Kreativiti', mempamerkan rujukan Al-Quran kepada sumber asli dan aplikasi inovatifnya dalam artifik dan bagaimana proses kreatif ini mencerminkan bakat manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Profesor Madya Dr. Md. Aminul Islam pula akan berkongsi pandangan tentang 'Geologi dan Al-Quran : Meneroka Persimpangan Sains dan Akidah'. Ceramah ini akan menyiasat bagaimana penemuan geologi moden sejarah dengan penerangan Al-Quran tentang pembentukan bumi, bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara sains dan iman.

Dr. Norhayati Ahmad akan mengakhiri dengan 'Tumbuhan yang Disebut dalam Al-Quran : Refleksi Rujukan Al-Quran dalam Cahaya Pengetahuan Saintifik Semasa'. Ceramahnya akan menyerlahkan bagaimana sains kontemporari berpadu dengan huraian kerajaan tumbuhan yang terdapat dalam Al-Quran dan menekankan kepentingannya untuk keseimbangan dan kelestarian ekologi.

Acara ini menjanjikan untuk menyediakan perbincangan yang merangsang pemikiran, membawa bersama pengetahuan saintifik dan kebijaksanaan rohani untuk menangani cabaran global hari ini.

Para tetamu yang hadir digalakkan untuk mengambil bahagian dalam simposium untuk meneroka bagaimana wacana Al-Quran dan sains moden boleh bekerjasama untuk mewujudkan dunia yang lebih harmoni dan mampan.

## DARI MAHKAMAH Penjara 24 bulan gara-gara rasuah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 September. - Mahkamah Tinggi hari ini telah menjatuhkan hukuman penjara selama 24 bulan terhadap seorang pendukung tetap berusia 55 tahun atas kesalahan rasuah.

Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri

pegawai bawahannya untuk memberi wang secara rasuah kepada seorang ejen, seorang Pegawai Pemeriksa Kastam wanita, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, sebagai dorongan atau ganjaran untuk tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap orang bawahan tersebut untuk sebarang pelanggaran yang berkaitan pengisytiharan kastam pada Oktober 2021.

Mahkamah menjelaskan bahawa rasuah boleh menjelaskan kepercayaan terhadap institusi awam, merosakkan ekonomi dan merugikan masyarakat secara keseluruhan. Penalti yang berat bagi rasuah bukan sahaja sebagai hukuman tetapi juga sebagai penghalang yang kuat kepada mereka yang mempertimbangkan kesalahan yang sama.

Mereka menghantar mesej yang jelas bahawa rasuah tidak akan dibiarkan dan mereka yang terlibat akan menghadapi akibat yang ketara. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayang Hajah Rozaimah binti Haji Abdul Rahman.

# PERSIDANGAN MEMPELBAGAIKAN TATACARA PENGAJARAN, PEMBELAJARAN MENARIK



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 September. - Seramai 20 orang Ahli Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) baru-baru ini menghadiri Persidangan The 38th ASEAN Council of Teachers + Korea (ACT+1) yang diadakan pada 6 hingga 8 September 2024 lalu, di Berkeley Hotel Pratunam, Bangkok, Thailand.

Rombongan diketuai oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Alim bin Awang Haji Othman.

Tema persidangan tahun ini ialah 'Promoting Happy Schooling and Sustainability in Education' di mana Negara Brunei Darussalam (NBD) menyampaikan dua tajuk pada persidangan tersebut iaitu 'Innovative Approach to Teaching and Learning Through the Integration of Digital Technologies' dan 'The Importance of Learning Assesment System'.

Di antara pengisian persidangan tersebut ialah The 38th ACT+1 Leaders' Meeting,

Majlis Makan Malam, Pembukaan Rasmi 38th ACT+1, penyampaian ucaptama, perbincangan panel, Country Report setiap negara yang menyertai persidangan, sesi selari, Friendship Night dan Majlis Penutup Rasmi The 38th ACT+1 Convention.

Kira-kira 900 delegasi mewakili negara-negara ASEAN menyertai persidangan yang dikendalikan oleh Teachers' Council of Thailand, selaku tuan rumah pada tahun ini di mana pembukaan rasmi persidangan disempurnakan oleh Setiausaha

Tetap Kementerian Pendidikan, Thailand.

Majlis mendengarkan perasmian penyampaian



ROMBONGAN Ahli Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) yang menghadiri Persidangan The 38th ASEAN Council of Teachers + Korea (ACT+1) diketuai oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Alim bin Awang Haji Othman (atas dan kanan).

## Guru insan yang mulia

diri setiap insan yang bergelar guru atau pendidik adalah :

- Menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam *qudwah* atau ikutan.
- Amanah dan komited dalam setiap tugas yang diberikan.
- Ikhlas dan jujur dalam menyampaikan ilmu.
- Bersabar dengan kerentah ibu bapa dan anak-anak didiknya.
- Bersifat penyayang terhadap setiap anak didiknya.
- Bersifat adil dan tidak pilih kasih terhadap anak-anak didiknya.
- Sentiasa mendoakan kebaikan buat anak-anak didiknya.

Guru adalah seorang insan yang mulia dan tinggi kedudukannya. Tugas guru atau pendidik adalah tugas yang mulia dan akan mendapat ganjaran pahala yang besar dengan setiap ilmu yang diajarkannya bahkan kesemua makhluk Allah Subhanahu Wata'ala sama ada di langit atau di bumi sentiasa mendoakan kebaikan kepada para guru dan pendidik. Diriwayatkan oleh

Imam At-Tirmidzi, daripada Abu Umamah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"*Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehingga semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia*".

Guru sebagai pendidik atau pengajar juga akan terselamat daripada laknat Allah Subhanahu Wata'ala. Diriwayat oleh Imam At-Tirmidzi, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"*Ketahuilah sesungguhnya dunia dan segala isinya adalah dilaknat kecuali dengan berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan apa yang terlibat dengannya serta orang yang alim (tahu) atau orang yang belajar*".

Setiap apa yang diajarkan oleh guru juga pasti akan mendapatkan pahala yang sama

seperti pahala orang mengamalkan dengan apa yang telah diajarkannya itu. Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Muaz bin Anas Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"*Barang siapa yang mengajarkan sesuatu ilmu maka dia akan mendapat pahala orang yang mengamalkannya tanpa mengurangi pahala orang yang mengamalkannya sedikit pun*".

Sebagai ibu bapa, marilah kita sama-sama saling bekerjasama dan hormat-menghormati serta berbuat baik terhadap guru-guru yang telah berjasa mendidik dan membimbing anak-anak kita agar menjadi insan yang berguna dan berilmu pengetahuan. Ibu bapa juga perlu mengajarkan anak-anak mereka untuk menghormati dan menyayangi guru-guru yang mendidik mereka serta taat dan patuh akan arahan dan teguran yang mereka berikan. Semoga dengan segala ilmu yang dicurahkan itu mendapat ganjaran di sisi Allah Subhanahu Wata'ala serta dibalas dengan syurga di akhirat kelak.

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كولان قوسة دعوه اسلاميه

**P**ERKATAAN guru atau pendidik dalam bahasa arab dinamakan *al-Mu'allim* (المعلم) yang berasal daripada 'alima (علم). Menurut Kamus Dewan, guru bermaksud orang yang mengajar, mendidik atau mengasuh. Pendidik atau guru di dalam Islam ialah sesiapa sahaja yang bertanggungjawab terhadap perkembangan anak didiknya.

Pada masa ini, memegang status sebagai seorang guru bukanlah satu perkara yang mudah. Realiti pada hari ini, menjadi seorang guru bermaksud individu tersebut perlu berhadapan dengan pelbagai kerentah serta perangai terutamanya melibatkan ibu bapa dan para pelajar. Ia bukanlah satu perkara yang mudah namun memerlukan kepada kesabaran dan kesungguhan dalam mendidik generasi yang terbaik.

Antara ciri atau sifat yang perlu ada dalam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

ucaptama bertajuk 'The Power of Happiness Towards Sustainable Education' termasuk sesi forum bertajuk 'Transforming Teaching and Learning for Happiness and Sustainability' dan pembentangan Country Report bagi setiap negara.

Country Report bagi NBD disampaikan oleh Pengetua Sekolah Menengah Katok, Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohammad Salleh bertajuk 'Innovative to Teaching and Learning Through' dan 'Through the Integration of Digital Technologi Approach'.


Semasa sesi selari pula, kertas kerja disampaikan oleh Guru Sekolah PGGMB Sungai Akar, Dayangku Nur Akmal Khairunisa binti Pengiran Rosli.

Sementara itu pada Majlis Penutup Rasmi Persidangan ACT+1, ketua-ketua delegasi yang terdiri dari NBD, Kemboja, Indonesia, Lao, Singapura, Malaysia, Filipina, Viet Nam dan

Republik Korea menandatangi resolusi persidangan.

Persidangan ACT+1 seterusnya akan diadakan di Filipina, selaku tuan rumah pada tahun 2025. Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, menyatakan bahawa Persidangan ACT+1, tahun ini sangatlah signifikan dan relevan bagi para pendidik / guru untuk meningkatkan dan mempelbagaikan tatacara pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan kepada para pelajar.

"Kertas-kertas yang disampaikan oleh setiap wakil-wakil dari negara ASEAN dapat memberikan pelbagai teknik dan inovasi dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik dan berkualiti. Beliau berharap agar lebih banyak guru-guru akan menyertai Persidangan ACT+1 di Filipina nanti," ujarnya.



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**N**IAT merupakan salah satu rukun dalam mengerjakan sembahyang. Dari sudut Bahasa Arab, erti niat ialah kehendak (*qashid*). Manakala dari sudut syara' pula, niat bermaksud kehendak yang disertai dengan perbuatan. Menurut para ulama, niat dalam ibadah bertujuan untuk membezakan sama ada perbuatan yang dilakukan itu adalah ibadah atau adat dan niat juga membezakan status ibadah yang dilakukan sama ada ia adalah fardhu atau sunat.

Mengenai perkara niat sembahyang ini, timbul persoalan adakah boleh seseorang menggabungkan beberapa sembahyang dalam satu sembahyang seperti sembahyang sunat Wudhu' digabungkan dengan sembahyang sunat Istikharah supaya tidak terlepas pahala yang terkandung di dalamnya? Maksud menggabungkan di sini ialah seperti sembahyang sunat Wudhu' dan sembahyang sunat Istikharah dikerjakan sebanyak dua raka'at sahaja dengan menyatakan niat kedua-dua sembahyang tersebut. Jika boleh digabungkan,

## Menggabungkan Beberapa Sembahyang Dalam Satu Sembahyang

bagaimanakah melaksanakan niatnya? Berikut penjelasan mengenainya.

Ibadah sembahyang itu boleh dibahagikan kepada dua kategori berikut:

i. Sembahyang *maqshudah lidzatiha* iaitu sembahyang yang dimaksudkan oleh syara' untuk dikerjakan secara khusus seperti sembahyang fardhu lima waktu, sembahyang sunat *Istisqa'* (memohon hujan), sembahyang sunat *Khusuf* (gerhana), sembahyang sunat Hari Raya Fitrah, sembahyang sunat Hari Raya Korban, sembahyang sunat Dhuha dan sembahyang-sembahyang sunat Rawatib dan seumpamanya.

ii. Sembahyang *ghairi maqshudah lidzatiha* iaitu sembahyang yang bukan dimaksudkan syara' untuk dikerjakan secara khusus bahkan ia dilakukan semata-mata bagi memenuhi tuntutan mengerjakan sembahyang kerana situasi atau keadaan tertentu seperti sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid, sembahyang sunat Wudhu', sembahyang sunat Ihram, sembahyang sunat Istikharah, sembahyang sunat Taubat, sembahyang sunat Tawaf, sembahyang sunat Hajat, sembahyang sunat Zawal, sembahyang sunat Awwabin, sembahyang sunat safar dan seumpamanya.

Mengenai perkara menggabungkan beberapa sembahyang dalam satu sembahyang, menurut para ulama tidak harus menggabungkan sembahyang yang dikategorikan sebagai sembahyang *maqshudah lidzatiha* dengan sembahyang *maqshudah lidzatiha* yang lain seperti:

i. Menggabungkan dua sembahyang fardhu. Contohnya menggabungkan sembahyang *qadha'* Zuhur dengan sembahyang fardhu Asar.

ii. Menggabungkan sembahyang fardhu dengan sembahyang sunat *maqshudah lidzatiha*. Contohnya menggabungkan sembahyang sunat Zuhur (*Qabliyyah* atau *Ba'diyah*) dengan sembahyang fardhu Zuhur atau menggabungkan sembahyang fardhu Isya dengan sunat Witir.

iii. Menggabungkan dua sembahyang sunat *maqshudah lidzatiha*. Contohnya menggabungkan sembahyang sunat Tarawih dengan sembahyang sunat Witir atau menggabungkan sembahyang sunat Dhuha dengan sembahyang sunat Hari Raya Fitrah.

Adapun sembahyang-sembahyang yang harus digabungkan menurut para ulama ialah menggabungkan sembahyang *maqshudah lidzatiha* dengan sembahyang *ghairi maqshudah lidzatiha* atau menggabungkan sembahyang-sembahyang yang dikategorikan sebagai *ghairi maqshudah lidzatiha* seperti:

i. Menggabungkan sembahyang fardhu dengan sembahyang sunat *ghairi maqshudah lidzatiha*. Contohnya menggabungkan sembahyang fardhu Zuhur dengan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid.

ii. Menggabungkan sembahyang sunat *maqshudah lidzatiha* dengan sembahyang sunat *ghairi maqshudah lidzatiha*. Contohnya menggabungkan sembahyang sunat Dhuha dengan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid.

iii. Menggabungkan sembahyang-sembahyang sunat *ghairi maqshudah lidzatiha*. Contohnya menggabungkan sembahyang sunat Wudhu' dengan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid atau menggabungkan sembahyang sunat Wudhu' dengan sembahyang sunat Ihram dan sembahyang sunat Tawaf.

Untuk melaksanakan penggabungan sembahyang-sembahyang seperti di atas, hendaklah seseorang itu menyatakan dengan jelas sembahyang yang akan digabungkan dalam niatnya. Sebagai contoh:

i. Lafaz niat menggabungkan sembahyang sunat Wudhu' dengan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid ialah:

أصلیٰ سُنّة الوضوء رکعتین وسُنّة تَحْيیة المسجد لِلّهِ تَعَالٰی.

**Ertinya:** Sahaja aku sembahyang sunat wudhu' dua raka'at serta sunat Tahiyyatul Masjid kerana Allah Ta'ala.

ii. Lafaz niat menggabungkan sembahyang fardhu Zuhur dengan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid ialah:

أصلیٰ فرض الظہر أربع رکعاتٍ وسُنّة تَحْيیة المسجد لِلّهِ تَعَالٰی.

**Ertinya:** Sahaja aku sembahyang fardhu Zuhur empat raka'at serta sunat Tahiyyatul Masjid kerana Allah Ta'ala.

Adapun dari sudut pahala dalam penggabungan sembahyang-sembahyang di atas, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami

*Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, sekiranya seseorang itu berniat menggabungkan sembahyang sunat *ghairi maqshudah lidzatiha* ke dalam sembahyang yang lain sama ada sembahyang fardhu atau sunat, maka dia juga akan memperolehi pahala sembahyang yang digabungkannya itu. Sebaliknya, jika dia tidak berniat, maka tuntutan sunat mengerjakan sembahyang tersebut tetapi dia jatuh daripada tanggungannya tetapi dia tidak memperoleh pahala sembahyang yang digabungkannya itu. Sebagai contoh, sekiranya seseorang menyertakan niat sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid ketika berniat mengerjakan sembahyang sunat rawatib Zuhur, maka jatuh tuntutan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid dan dia beroleh pahala sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid tersebut. Sekiranya dia tidak menyertakan niat sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid, maka tuntutan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid tersebut tetap jatuh daripada tanggungannya tetapi dia tidak memperoleh pahala sembahyang sunat tersebut.

Sekalipun penggabungan sembahyang-sembahyang di atas adalah diharuskan, namun mengerjakan sembahyang-sembahyang yang harus digabungkan itu secara berasingan adalah afdhal.

Demikian penjelasan mengenai hukum menggabungkan beberapa sembahyang dalam satu sembahyang.

## Bersama meriahkan Kempen Derma Darah

Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 September. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah seperti yang dijadualkan di bawah. Orang ramai adalah diseru untuk menyertai

kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen akan diadakan pada Selasa, 24 September 2024 bermula 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

bertempat di Goh Hock Kee Motors Sdn. Bhd. (GHK) Showroom, Beribi.

Seterusnya, kempen akan diadakan pada Sabtu, 28 September 2024 bermula 10.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Jabatan Bandaran Kuala Belait anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP)

sempena Sambutan Ulang Tahun JBP Ke-6.

Sementara itu, Tabung Darah Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam akan mengadakan Kempen Derma Darah di Daerah Temburong pada Rabu, 25 September 2024 bermula 9.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Ruang Kantin,

Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodcad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

## Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1. **ikan jawatan kosong** | **Kalendar saya**

2. **kedudukan permohonan** | **aduan saya**

3. **Status Permohonan Kerja**

Bahagian	Status	Aksi
Y	DIAJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
Y	PROSES PERAKUAN	...
Y	DIAJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
Y	TIDAK HADIR	...
Y	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	...
Y	PEMOHON DITERIMA	...

# NBD SAMBUT PELANCONG HERITAGE ADVENTURER



NEGARA Brunei Darussalam mengalu-alukan Heritage Adventurer yang membuat pelayaran sulung ke negara ini selepas berlepas dari pelabuhan Kuching, Malaysia (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalu-alukan Heritage Adventurer yang membuat pelayaran sulung ke negara ini selepas berlepas dari pelabuhan Kuching, Malaysia.

The Heritage Adventurer merupakan kapal persiaran antarabangsa kelima yang berlabuh di NBD pada tahun ini, dengan membawa 212 penumpang yang secara tidak langsung menyerlahkan lagi reputasi NBD sebagai destinasi pelayaran terkenal di peringkat global.

Sepanjang persinggahan mereka di NBD, para pelancong ditawarkan pelbagai pakej pelancongan yang menarik termasuk lawatan ke tarikan ikonik di NBD seperti Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Istana Nurul Iman

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

dan Kampong Ayer yang indah. Di samping itu, para pelancong berpeluang untuk meneroka pelbagai pilihan cenderamata tradisional Brunei di Cruise Ship Centre, bagi meningkatkan pengalaman keseluruhan mereka.

Salah seorang pelancong kapal berkenaan iaitu Carol dari United Kingdom, menyatakan NBD adalah sebuah negara yang hebat dan beliau berhasrat untuk kembali lagi ke NBD bagi menikmati keindahan alam semula jadi negara ini.

Begini juga bagi Patricia yang juga berasal dari UK, mendapati perjalanan pertamanya ke negara ini sangat menarik dengan mengongsikan pengalamannya di Kampong Ayer, mengunjungi masjid-masjid ikonik dan seterusnya menyaksikan sendiri Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien dari dekat.

Paul dari London turut menyifatkan NBD sebagai destinasi yang indah dan bersih selepas meneroka beberapa tarikan di Bandar Seri Begawan dan beliau juga tidak sabar untuk mengunjungi Taman Negara Ulu Temburong pada masa hadapan.

Untuk perancangan seterusnya, NBD menjangkakan ketibaan tiga kapal persiaran tambahan pada tahun ini dengan kapal persiaran dijangka seterusnya akan menghiasi perairan Brunei pada 28 November 2024.

Jabatan Kemajuan Pelancongan tetap berdedikasi untuk meningkatkan lagi pelancongan persiaran ke NBD dan seterusnya berharap untuk mengalu-alukan lebih ramai pengunjung pada masa akan datang.

## MINDA PEMBACA

### Tingkat kesedaran mengenai Kanser Serviks

**S**ETIAP wanita perlu lebih peka mengenai Kanser Serviks dan bahayanya. Kanser Serviks atau Kanser Pangki Rahim adalah kanser organ reproduktif wanita yang menjadi penyumbang tinggi terhadap kadar kematian dalam kalangan wanita. Ia terjadi akibat daripada jangkitan virus yang dinamakan Human Papillomavirus (HPV). Terdapat lebih 100 jenis virus HPV dan ia boleh dibahagikan kepada virus HPV berisiko rendah (bukan onkogenik) yang menyebabkan kutil atau wart dan virus HPV berisiko tinggi (onkogenik) yang berkait rapat dengan prakanser dan kanser. Antara yang berisiko untuk menghidap Kanser Serviks ialah wanita yang multipara,

perokok, mengadakan hubungan seks di usia muda dan penghidap HIV.

Kanser Serviks mempunyai gejala tertentu seperti penghidap akan merasa sakit atau berlaku pendarahan semasa melakukan hubungan seks (*post-coital bleeding*), pendarahan dari faraj antara haid (*inter-menstrual bleeding*), pendarahan selepas putus haid (*post-menopausal bleeding*) dan berlaku lelehan faraj yang berair, mengandungi darah dan berbau (*bloody discharge*).

Faktor yang dikenal pasti menjadi penyebab terjadinya Kanser Serviks pula adalah pengambilan makanan berlemak, protein dan alkohol yang tinggi. Manakala kekurangan sayuran

dan serat dalam diet juga berkait dengan risiko terhadap penyakit ini. Oleh itu, amat digalakkan bagi setiap wanita untuk meningkatkan tahap pengetahuan pencegahan awal Kanser Serviks meliputi penyebab atau punca, rawatan dan langkah-langkah pencegahan Kanser Serviks.

Kementerian Kesihatan khasnya menganjurkan inisiatif pengesanan awal Kanser Serviks antaranya melalui ujian saringan PAP Smear, pendedahan terhadap pengetahuan Kanser Serviks dalam kalangan wanita dan masyarakat amnya melalui ceramah dalam komuniti, pameran kesihatan, poster, risalah, akhbar, perbincangan dan demonstrasi oleh kakitangan

kesihatan.

Kanser Serviks boleh dicegah dan disembuhkan hanya apabila ia nyata dikesan dan dirawat pada peringkat awal. Sains perubatan membuktikan intervensi awal sebagai bukti yang berkesan untuk pencegahan, pengesanan dan perawatan. Mengamalkan gaya hidup sihat misalnya dengan senaman yang betul dan diet yang seimbang sangat bermanfaat daripada segi kesihatan di samping mengurangkan risiko Kanser Serviks.

Nama : Hazey Suzainah binti Shaya  
No. K/P : 00-321XXX

Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Hargai Warga Perkhidmatan Awam'. Tarikh Tutup : 25 September 2024
- 'Tingkat Kesedaran Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024
- 'Teladani Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024

#### Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :  
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0028 / 2024

Tajuk Sebut Harga:  
Kursus Meningkatkan  
Kemahiran Nelayan Kecil-Kecilan  
dalam Penggunaan GPS  
dan Fish Finder

Tarikh Tutup :  
Khamis,  
10 Oktober 2024  
Jam 2.00 Petang



JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :  
BBS / WTT (1) / 2024 – 2025

Keterangan Projek :  
Supply and Delivery one (1) unit  
Water Tanker Truck

Tarikh Tutup :  
Tidak lewat  
Selasa,  
8 Oktober 2024  
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Kelas :  
[II Sahaja]

Kategori :  
KA01 sahaja

Bilangan Tawaran:  
JKR / DWS / 031 / 2024

Nama Projek:  
Pembinaan Bilik Telemetry  
Bagi Tangki Simpanan Air :  
Kg. Beribi,  
Daerah Brunei Muara  
(Tawaran Semula)

Yuran Tawaran :  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :  
Selasa,  
1 Oktober 2024

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
8 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0023 / 2024 (R)

Tajuk Sebut Harga :  
To Conduct Soil Investigation  
Works at Aquaculture Sites :-  
1) Lot 22332,  
Kampung Telisai,  
Mukim Telisai,  
Daerah Tutong;  
2) Lot 22563 & 22562,  
Kg. Tumpuan Telisai,  
Mukim Telisai,  
Daerah Tutong;  
3) Lot 15114,  
Kg. Serdang,  
Mukim Kota Batu,  
Daerah Brunei Dan Muara;  
4) Lot 4749,  
Kampung Selangan,  
Mukim Amo,  
Daerah Temburong

Tarikh Tutup :  
Khamis,  
10 Oktober 2024  
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :  
JPi / 08 / 2024

Tajuk :

To Construct, Supply,  
Delivery And Deploy Complete  
Sets Of Artificial Reefs  
("ARS") For The Development  
Of Fishing Grounds And  
Juveniles Breeding Ground In  
Fishing Zone 1 to Zone 3,  
Brunei Darussalam  
Fishery Limits

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
26 November 2024  
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-  
Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :  
II sahaja

Kategori :  
KA01 Sahaja

Bilangan Tawaran:  
JKR / DBSTUT 012 / 2024

No. Projek  
2024 / 25 JKRTUT / CLIENT-02

Nama Projek:  
Kerja-Kerja Membakar Pulih Tanah  
Susur Berdekatan Jalan Bukit Biled,  
Rancangan Perumahan Negara  
Bukit Beruang, Daerah Tutong

Yuran Tawaran :  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :  
Selasa,  
8 Oktober 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
22 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Iklan Tarikh Lanjutan  
Dibukakan kepada Pemborong-  
Pemborong yang Berdaftar di  
dalam

Kelas :  
V & VI sahaja

Kategori :  
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen  
Tawaran :  
25 September 2024

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran  
Dilanjutkan:  
Selasa,  
15 Oktober 2024,  
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup  
Tawaran  
Dilanjutkan:

Selasa,  
22 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:  
JKR / DOR / SRM 20 / 2024

Nama Projek:  
Kerja-Kerja Pembakaan  
Kerosakan Jalan Raya  
di Istana Nurul Iman

Yuran Tawaran :  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)



JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:  
To Supply and Install  
8 Inch Recessed Downlight at  
Departure Ramp Area,  
Brunei International Airport  
AME / 2024-2025 / SH-28 / R  
(Kelas I, II dan ke atas)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:  
Aladdin Tent Canvas  
Replacement Works for  
VIP Tent at Tarmac Area  
AME / 2024-2025 / SH-64  
(Kelas I, II dan ke atas)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:  
Supply of AGL Bulbs &  
Filter at Brunei International Airport  
AME / 2024-2025 / SH-65  
(Kelas I, II dan ke atas)

Tarikh Iklan / Mengambil



Dokumen Tawaran :  
25 September 2024,  
(Rabu)

Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :  
8 Oktober 2024,  
(Selasa)

Tarikh Tutup Tawaran :  
9 Oktober 2024,  
Rabu,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:  
Pengerusi Jawatankuasa  
Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Seksyen Kewangan  
Ibu Pejabat Jabatan  
Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran:  
MOE / LTK / 80 / 2024 / 2025  
(JPK-SEPT-2024)

Keterangan:

Tawaran Terbuka Membekal,  
Menghantar, Memasang Dan  
Menunjuk Cara 3D Printer Berserta  
Filaments; Dan Inventor Kit Bagi  
Projek "Enhancement Of 21st  
Century Skills And Steam Projects  
Bagi Business, Art & Technology  
Tahun 7 Dan Tahun 8" Bagi Tahun  
Kewangan 2024 / 2025

Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran :

BND30.00  
[Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu:

8 Oktober 2024  
(Selasa)  
Tidak lewat jam 2.00 Petang





Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 200 / 2024 / HTD

**Keterangan :**  
Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning Twenty (20) Units Jaundice Meter for Health Services, Ministry of Health



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
II dan III sahaja

**Kategori :**  
B01, KA01 dan KPB02

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSBM026 / 2024

**Bil. Projek**  
2024DBSBM / MUF.01

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Kalis Air Di Bangunan Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSBM028 / 2024

**Bil. Projek**  
JKR / DBS / IMU06 / 2024

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Pembinaan dan Penaitarafan Taman Permainan di Simpang 41-39 Teres Kiarong, Kg. Kiarong, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
8 Oktober 2024,

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
22 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 201 / 2024 / HTD

**Keterangan :**  
Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning Twenty (20) Units Jaundice Meter for Health Services, Ministry of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 205 / 2024 / ESTETRIPASH

**Keterangan :**  
Repair Works to Chiller No. 2 for Central State Lab (CSL) at Rooftop Block 17, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Kelayakan Pembekal / Pemborong :**

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

**Kelas :**  
II ke atas

**Kategori:**  
M01, E01 and E02

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 206 / 2024 / PHARM

**Keterangan :**  
The Supply and Delivery of Medicines for the Department of Pharmaceutical Services, Ministry of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 207 / 2024 / PHARM

**Keterangan :**  
The Supply and Delivery of Medicines for the Department of Pharmaceutical Services, Ministry of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 208 / 2024 / PHARM

**Keterangan :**  
The Supply and Delivery of Medicines for the Department of Pharmaceutical Services, Ministry of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 211 / 2024 / LAB (TC)

**Keterangan :**  
The Provision of Security Services for Biomedical Research and Training Unit Building and COVID-19 Laboratory, Department of Laboratory Services for A Period of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**

KK / 212 / 2024 / LAB (TC)

**Keterangan :**

To Supply and Deliver Reagents and Consumables for Haematology Analyzer with Equipment Rental for Blood Donation Centre, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health for a Period of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**

8 Oktober 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning, Warranty, and Maintenance

**Bilangan Tawaran:**  
MOE / LTK / 78 / 2024 / 2025  
(PTP-SEPT-2024)

**Keterangan:**  
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning, Warranty And Maintenance Of Learning Management System (LMS) Utilising Google Workspace For Education (GWFE) Ministry Of Education.

**Kelas :**  
Syarikat ICT Yang Berdaftar (Large Business Size / Limited Companies LC)

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND35.00

[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND30.00 dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :**

15 Oktober 2024 (Selasa)  
Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup dan Waktu:**  
22 Oktober 2024 (Selasa)

Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Bilangan Tawaran :**  
KKWE / BTM / K / 2024 - 3

**Tajuk Tawaran :**  
Facility Maintenance for Ministry of Finance And Economy (MOFE)'s Data Centre

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
8 Oktober 2024  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran / Dokumen :**  
BND100.00  
(Tidak dikembalikan)  
BND5.00 bagi yuran e-dokumen (Tidak dikembalikan)



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran :**  
JPi / 09 / 2024

**Tajuk :**  
To Conduct Feasibility Study Assesment or New Fish Cage Culture Sites, Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
26 November 2024  
Jam 2.00 Petang



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.



Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGK :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGK MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Kelas :  
II & III

Kategori :  
B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :  
Selasa,  
17 September 2024

Yuran Tawaran:  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:  
JKR / DTS / 34 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:  
Menaiktaraf Dan Pembangunan  
Stadium Negara  
Hassanal Bolkiah, Berakas  
- Fasa 2 – Annex Louvers Works

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
1 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:  
BBS / BPE / TI / 2024-5

Keterangan Tawaran:  
Penyewaan Ruang-Ruang  
Perniagaan Bangunan  
Bumiputera Di Lot 95 dan 96  
Kuala Belait  
Di Bawah Kawalan  
Jabatan Bandaran Kuala Belait  
dan Seria

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
8 Oktober 2024  
Jam 12.00  
Tengah Hari



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Kelas :  
IV sahaja

Kategori :  
KA01 / KPB04 / M03 sahaja

Bilangan Tawaran:  
JKR / DWS / 015 / 2024

Nama Projek:  
Membekal dan Memasang  
Paip Air Inlet Baharu Ke Tangki  
Simpanan Lumapas 2,  
Daerah Brunei Muara  
(Tawaran Semula)

Yuran Tawaran :  
BND1000.00  
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :  
Selasa, 24 September 2024

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa, 1 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Makluman Tarikh Lanjutan

Kelas :  
V & VI sahaja

Kategori :  
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :  
31 Julai 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Dilanjutkan:  
Selasa  
24 September 2024  
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan :  
Selasa  
1 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:  
JKR / DOR / SRM 13 / 2024

Nama Projek:  
Meningkatkan Tahap  
Keselamatan Jalan Raya

Yuran Tawaran :  
BND1,000.00  
(Tidak dikembalikan)



سورو هنجاي قر خدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

### PERINGATAN PENTING



1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.

1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**  
[WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 **Lengkapkan Kelulusan**  
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**  
\*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan

4 **Tandakan ✓ pada kotak semak "Jawatan Sekarang"** di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5 **Lengkapkan Maklumat**  
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian WhatsApp  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial  
PSC.BN



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN



JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran

Bilangan Tawaran:  
JPE / LTK / PSP / 055 / 2024

Tajuk Tawaran:  
Pengukuhan Sistem Rangkaian  
Pembahagian 11KV Kawat Atas  
3C/300MCM bagi Mukim Kiudang  
dan Lamunin, Daerah Tutong

Tarikh Tutup :  
Selasa, 8 Oktober 2024,  
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :  
'Tender Box'  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bangunan Jabatan Perdana  
Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:  
Mempunyai Pendaftaran  
Syarikat dengan  
Kementerian Pembangunan dalam  
Kelas IV, V atau VI sahaja, dalam  
Kategori E02 & E03 dan  
(mempunyai pekerja yang  
berdaftar dengan JPE dalam  
kategori E03).

Dokumen tawaran dan penerangan  
lanjut bolehlah diperoleh di  
Unit Tawaran dan Sebut Harga,  
Tingkat Empat, Ibu Pejabat  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Jabatan Tenaga di  
Jabatan Perdana Menteri



# جوالن سالينان كمبير ۲ دیگنیتل

## JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPANAH GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto ([www.infofoto.gov.bn](http://www.infofoto.gov.bn))

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 2383400**  
**FAKS : 2382242**

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN


Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

# BENGKEL KENDERAAN DIARAH HENTI OPERASI

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 September. - Kegiatan perusahaan bengkel kendaraan yang terletak di Kampung Jerudong, Mukim Sengkurong telah diarahkan untuk menghentikan aktivitinya dan merobohkan kemajuannya kerana telah melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 (TCPA) iaitu menjalankan kegiatan perusahaan dan membina tambahan bangunan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegiatan tersebut dijalankan di atas tanah yang dihadkan hanya untuk tujuan kediamaan. Kegiatan penyimpanan kenderaan ini telah menyebabkan rasa tidak puas hati

dan menjelaskan kesejahteraan lot kediamaan bersebelahan.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan, pemilik telah mematuhi arahan pihak berkuasa dengan menghentikan aktiviti tersebut. Kenderaan-kenderaan telah dipindahkan dari kawasan berkenaan dan tambahan bangunan juga telah dirobohkan. Kes ini adalah hasil aduan yang diterima daripada orang ramai.

Orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan khususnya Bab 23 TCPA yang memerlukan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah

atau menyatukan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa kebenaran dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda seperti di dalam Bab 23 (6) iaitu denda tidak melebihi BND200,000; dan dalam hal kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi BND10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan orang ramai, bolehlah menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di +673 8200222.



OPPO F9

KEGIATAN perusahaan bengkel kendaraan yang terletak di Kampung Jerudong, Mukim Sengkurong telah diarahkan untuk menghentikan aktivitinya dan merobohkan kemajuannya kerana telah melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 (TCPA) (atas dan bawah).



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

## Sayur Umbut Masak Lemak Kampung Kulapis

### BAHAN-BAHAN :

Umbut kelapa  
Bawang merah (dihiris)  
Bawang putih (dihiris)  
Udang kering (ditumbuk)  
Lada hidup (dihiris)  
Santan  
Garam  
Serai (ditumbuk)

Serbuk perasa

Minyak untuk menumis

### CARA-CARA MEMASAKNYA :

Umbut dipotong mengikut cita rasa masing-masing setelah itu cuci dan masukkan dalam belanga bersama serai, masukkan air dan didihkan.

Tumis bawang merah, bawang putih dan udang kering dengan sedikit minyak setelah itu masukkan ke dalam belanga yang berisi umbut tadi.

Masukkan garam, serbuk perasa dan akhir sekali santan. Setelah mendidih dan umbutnya lembut sedia untuk dihidangkan.

**TID ROLLOVER**  
pada 24 November 2024

**APA** kah TID ROLLOVER ini?

Tetapan semula sistem yang berlaku **di seluruh dunia pada 24 November 2024**. Meter prabayar yang ada pada masa ini akan menolak token yang dijana selepas tarikh ini disebabkan kaunter dalaman mencapai hadnya.

**SIAPA** kah yang terjejas akibat TID ROLLOVER ini?

Pelanggan yang menggunakan **meter STS (token)** seluruh dunia iaitu seperti meter berjenama STAR, INHE dan PLESSEY.



---

**KENAPA** kah penukaran meter perlu dilakukan?

Meter berjenama STAR, INHE dan PLESSEY dimestikan untuk ditukar kepada Meter Pintar kerana Sistem Meter Pintar (USMS) tidak berdasarkan sistem token.

**APA** kah yang patut dilakukan jika jenama meter saya STAR, INHE & PLESSEY?

Berikan kerjasama kepada pihak yang berkenaan dalam menjayakan **Program Kebangsaan bagi Penggantian Sistem Meter Pintar USMS**

Layari laman sesawang dan Instagram Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) untuk mengikuti perkembangan mengenai TID Rollover.

[www.des.gov.bn](http://www.des.gov.bn) [@desbrunei](https://desbrunei)

Hubungi DST Network Sdn Bhd bagi tempahan slot untuk penukaran Sistem Meter Pintar (USMS)

Talian Darussalam - 123

ZAHN MARAISEH  
MUKA 2

KELUARAN KHAS

PELITA BRUNEI, Rabu 30 September, 1964

## D.Y.M.M. MELETAKKAN BATU ASAS SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOLKIAH

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah bahawa ada-lah menjadi chita2 Kerajaan supaya ugama Islam, yang menjadi ugama rasmi di-Negeri Brunei ini, akan betul2 berkembang di-dalam jiwa umat Islam dan ra'ayat sekalian — bahkan dengan bertambah tinggi persekolahan ugama di-negeri ini, bererti-lah membawa kita kapada menyempurnakan tujuan yang termaktub di-dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah melafadzkan titah uchapan tersebut sa-belum Baginda meletakkan Batu Asas Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah pada tengah hari Khamis 24 September, 1964.

### PERBELANJAAN LEBEH DARI \$2,000,000

Sekolah Menengah Arab tersebut, letak-nya di-Batu 1½ Jalan Brunei-Tutong, akan di-bina oleh Kerajaan Brunei dengan perbelanjaan lebih dari \$2,000,000 dan akan siap di-bina kira2 pada penghujung tahun hadapan.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia di-junjong untuk melafadzkan titah uchapan Baginda di-majlis tersebut, uchapan2 telah di-berikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin kerana usaha beliau yang bersunggoh2 hingga berjaya-lah ranchangan pembinaan Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah itu.

Duli Yang Maha Mulia juga telah menguchapkan tahniah kepada Pemangku Pesuroh Jaya Kemajuan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee dan Jabatan Kerja Raya serta kepada sekalian yang memberi kerjasama dalam menjayakan pembangunan Sekolah Menengah Arab tersebut.

Selanjutnya Duli Yang Maha

jaran ka-mana2 Sekolah Tinggi di-luar negeri dan juga untuk melayakkan mereka menjadi ra'ayat yang mempunyai pengetahuan yang sempurna bagi menchari kehidupan yang lebih baik di-samping menjadi saorang Mo'min yang beriman dan ta'tat kepada Allah.

Baginda telah menguchapkan tahniah kapada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin kerana usaha beliau yang bersunggoh2 hingga berjaya-lah ranchangan pembinaan Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah itu.

Duli Yang Maha Mulia juga telah menguchapkan tahniah kepada Pemangku Pesuroh Jaya Kemajuan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee dan Jabatan Kerja Raya serta kepada sekalian yang memberi kerjasama dalam menjayakan pembangunan Sekolah Menengah Arab tersebut.

Selanjutnya Duli Yang Maha



Satu pemandangan pada masa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin meletakkan Batu Asas Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah pada tengah hari Khamis 24 September 1964.

Mulia bertitah bahawa Baginda berharap mudah2an Kerajaan akan terus melaksanakan usahanya dalam segala perkembangan negara yang telah di-ranchangkan di-dalam tempoh yang dijadualkan.

Di-samping itu, Baginda berharap agar-nya hendak-lah sekalian ra'ayat menyokong dan menghargai usaha2 Kerajaan dengan jalan memelihara keama-

nan dan perpaduan, lebeh2 lagi di-dalam keadaan suasana dunia masa ini yang penoh dengan kegeloraan, maka tiap2 ra'ayat wajib-lah bertanggong-jawab melihara ketenteraman kerana dengan ada-nya keamanan dan ketenteraman, baharu-lah dapat kita menikmati bersama hasil2 ranchangan pembinaan negara di-Negeri Brunei yang aman — ma'amor dan di-kasehi ini.

## D.Y.M.M. MERASMIKAN PEMBUKAAN MASJID MUHAMMAD JEMALUL ALAM KUALA BELAIT

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait pada tengah hari Juma'at 25 September, 1964.

Upacara tersebut di-mulai dengan uchapan aluan2 oleh Kadhi Daerah Belait, Yang Di-muliakan Begawan Mudim Haji Adanan bin Pehin Dato Imam Haji Mokti.

Kemudian uchapan2 telah dilafadzkan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin ibni Al-marhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamad Yassin.

Sa-lepas itu Duli Yang Maha Mulia pun di-junjong untuk merasmikan pembukaan Masjid yang indah itu dan melafadzkan titah uchapan Baginda serta berkhotbah dalam Masjid tersebut.

Kadhi Besar Negeri Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Seri Paduka Haji Muhammad Salleh telah di-junjong menjadi

Awang Mukim bin Awang Hassan dan beliau juga telah melaangkan suara azan di-upacara tersebut.

Sa-baik sahaja selesai Sembahyang Juma'at, para hadirin yang telah bersembahyang di-masjid tersebut telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar itu pada maa Baginda tiba untuk merasmikan pembukaan Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait pada hari Juma'at 25 September, 1964. Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail kelihatan berjalan di-sabelah Baginda dalam gambar ini.



## SCSN giat tingkatkan kesedaran penjagaan diri

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Ihsan Norsuzilawati Abdul Rahman

**P**ENJAGAAN kesihatan mental antara perkara yang sering dititikberatkan akhir-akhir ini. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam ikhtiar menangani gejala mental telah dan sedang dilaksanakan oleh pelbagai pihak.

Sememangnya penjagaan kesihatan mental itu amat penting agar kita dapat memperbaiki hati, mengurangkan rasa cemas, berasa tenang, berfikir lebih matang dan jernih, meningkatkan hubungan baik dengan diri sendiri mahupun orang lain bahkan dapat meningkatkan harga diri.

Tahukah *biskita* bahawa kesemua ini dapat diperoleh jika awda mengikuti sebuah inisiatif komuniti, Self Care Support Network (Brunei Darussalam) - SCSN.

SCSN ditubuhkan pada 27 Jun 2021 yang diasaskan oleh Dayang Norsuzilawati binti Abdul Rahman, yang juga seorang kaunselor berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Kaunseling.

Ketika ini SCSN mempunyai 41 orang ahli (empat lelaki dan 37 wanita) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti pegawai kerajaan, syarikat swasta, penuntut dan orang ramai termasuk 11 Duta Kesihatan Mental. SCSN juga mempunyai seramai 30 orang ahli sukarelawan yang bersedia dalam membantu melaksanakan aktiviti dan inisiatif-inisiatif yang sedang dirancang dan dilaksanakan oleh SCSN.

Moto SCSN ialah Penjagaan Diri Memperkasa Kehidupan Lebih Baik (Self-Care Empowers For The Better), manakala visinya pula ke arah mencapai penjagaan diri yang lebih baik untuk semua orang (Towards Achieving Better Self-Care for Everyone).

Misi SCSN ialah untuk menyediakan wadah bagi sebarang aktiviti menjaga diri, memupuk kesedaran akan pentingnya penjagaan diri dan impaknya terhadap kesihatan mental serta memperkasa orang ramai ke arah penjagaan diri yang lebih baik yang setentunya akan menyumbang kepada masyarakat.

### Komitded

Melalui moto, visi dan misi ini, SCSN amat komited memainkan peranannya dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 (Matlamat Kedua - Kualiti kehidupan yang tinggi) iaitu ke arah negara yang sihat, masyarakat yang berdaya tahan dan padu dan juga Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030) iaitu SDG 3 Kesihatan dan kesejahteraan yang baik, SDG 4 Pendidikan berkualiti, SDG 5

Kesaksamaan jantina dan SDG 13 Tindakan iklim.

Usaha berterusan inisiatif komuniti ini dilaksanakan melalui beberapa inisiatif agar dapat meningkatkan kehidupan berkualiti tinggi untuk semua dengan memberi kefahaman dan kesedaran tentang kesihatan dan kesejahteraan yang baik.

Selain itu, aktiviti yang diungkayahkan juga dapat memberi peluang untuk pembelajaran berterusan dan produk-produk penjagaan diri yang telah dicipta oleh SCSN.

SCSN juga ingin memastikan agar aktiviti mereka memenuhi kriteria Kesaksamaan Jantina dengan memastikan inisiatif dan kandungan yang dilaksanakan dapat meliputi semua jantina. SCSN turut menekankan kepada pemerkasaan wanita dan kanak-kanak perempuan dengan menyediakan platform untuk wanita melangkah ke hadapan untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran mereka.

SCSN juga giat dalam bidang tindakan iklim iaitu melalui pendigitalan dengan berinteraksi dan berhubung dengan komuniti melalui Instagram dan Linktree, penggunaan kertas yang sedikit semampu yang boleh iaitu melalui penerbitan soft copy dan melalui penggunaan kertas kitar semula untuk penerbitan yang diperlukan sahaja.

### Inisiatif utama

Antara inisiatif utama SCSN ialah :

1) Sesi satu kemahiran pada satu masa

Sesi ini memberi tumpuan kepada penjagaan diri intelektual seperti *decoupage tutorial*, membuat sejambak coklat bunga kertas, beg kertas buatan tangan, kelas membuat kek seperti membuat Kek Keju, Krim Blueberry dan Kek Keju Krim Oreo dan Aktiviti Reka Bentuk Pasu Bunga Kertas (semasa Festival Keluarga Harmoni dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) dan mencipta origami hiasan dinding.

2) Kempen Tindakan Kebaikan

Kempen ini memberi tumpuan kepada satu aspek penjagaan diri rohani di mana SCSN ini mengalu-alukan ahli dan orang ramai untuk menyertai dalam aktiviti amal seperti mencipta 50 gubahan tulip kertas buatan tangan dengan Ferrero Rochers untuk golongan barisan hadapan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam (2021). Manakala bagi Kempen Tindakan Kebaikan Edisi Ramadan turut menyumbangkan 100 cawan Chendol

Kampong kepada Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop (2022), 100 cawan cendol kepada Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang (2023), dan menderma bagi membantu SMARTER Brunei Garage Sale (2024).

3) Hadiah bulanan penjagaan diri

Ia terdiri daripada barang penjagaan diri daripada vendor tempatan dan juga jenama antarabangsa. Ini dijalankan setiap bulan pada tahun 2022 dan bermula dari tahun 2023, ia dijalankan secara berkala.

4) Duta Kesihatan Mental SCSN

Pada masa ini, SCSN mempunyai 11 orang Duta Kesihatan Mental diberi akses khas kepada Pek Maklumat Digital Duta Kesihatan SCSN yang merangkumi maklumat-maklumat berkaitan dengan kemahiran asas kaunseling dalam membantu mereka yang memerlukan, pengetahuan mengenai isu-isu kesihatan mental dan sebagainya.

5) Planner Penjagaan Diri (2022), Buku Panduan Penjagaan Diri, Deck Cards Penjagaan Diri, Peringatan Penjagaan Diri, Balang Coklat Penjagaan Diri, Nota Mini Penjagaan Diri dan Kapsul Kesukuran merupakan antara produk dan bahan-bahan dicipta oleh SCSN untuk digunakan oleh orang ramai untuk terus menanamkan penjagaan diri ke dalam kehidupan sehari-hari mereka.

6) Aktiviti penjagaan diri

Aktiviti yang diadakan adalah seperti Hari Penjagaan Diri (seperti aktiviti berjalan pantas dan sesi minum petang).  
10) Kit Jurnal Penjagaan Diri

Ia merupakan jurnal yang baru dikeluarkan pada tahun 2023 yang bertujuan untuk membantu orang ramai untuk menjaga diri mereka dengan lebih baik. Kit Jurnal Penjagaan Diri terdiri daripada buku nota kosong, pen, edisi khas Panduan Penjagaan Diri yang terdiri daripada arahan tentang cara menggunakan jurnal penjagaan diri, jenis penjagaan diri, ujian penjagaan diri, soalan penjagaan diri, dan aktiviti penjagaan diri yang menyeronokkan, pelekat untuk label nama, pelekat nota, pita washi dan hadiah tambahan, cermin button badge.

11) Mereka bentuk kotak / Beg Penjagaan Diri

Inisiatif ini diperkenalkan pada Julai 2023 sempena Ulang Tahun Kedua SCSN. Ia memberi peluang untuk mereka bentuk kotak / Beg Penjagaan Diri mereka dan juga mendapatkan beberapa produk penjagaan diri daripada SCSN.

12) Kit Terapi Seni Penjagaan Diri

Ia merupakan aktiviti santai dan kreatif yang boleh digunakan sendiri atau bersama rakan-rakan. Ia memberi ruang untuk meluahkan emosi atau perasaan secara

teratur (sekurang-kurangnya sekali seminggu atau sekali sebulan, bergantung pada keperluan), menyuburkan sisi kreativiti dan untuk memenuhi penjagaan diri intelektual dan emosi.

13) Platform Digital Kesihatan Mental 'Ask to Empower'

Platform digital ini memberikan akses kepada orang ramai untuk bertanya soalan tentang kesedaran dan isu kesihatan mental (tanpa nama dan mengikut keselesaan mereka).

14) Jar Terapi Hati

Ia merupakan koleksi ayat-ayat Al-Quran, selawat, zikir dan doa terpilih yang boleh memperkasa dan membawa kedamaian kepada jiwa raga kita dengan mengingati Allah Subhanahu Wata'alá. Inisiatif ini merupakan kerjasama SCSN bersama Awang Adi Zaky bin Haji Matasim dan Dayang Hazlinah binti Aliakbar @lipat\_paper.

### Harapan

Setakat ini, SCSN telah menjalankan aktiviti dan sesi melibatkan lebih daripada 3,000 orang (dalam talian dan kelas fizikal).

SCSN telah dijemput untuk bekerjasama dengan beberapa agensi seperti UBD Corp, Universiti Teknologi Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pilihan FM (Radio Televisyen Brunei) dan Kementerian Kesihatan.

SCSN juga terpilih sebagai salah satu NGO yang menerima sokongan kewangan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 2023 dan tahun 2024.

Adalah menjadi matlamat utama bagi inisiatif komuniti ini untuk menjangkau kumpulan masyarakat yang lebih besar melalui inisiatif dan menyediakan platform untuk semua orang, serta memainkan peranan mereka ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. SCSN juga percaya bahawa penjagaan diri dan komuniti adalah komponen penting dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan hanya boleh dicapai melalui Pendekatan Seluruh Negara.

SCSN juga mengalu-alukan orang ramai yang berminat untuk menyertai dan menjadi ahli melalui link pautan <https://forms.gle/C9iw8m5dXZnrToaE6> atau dengan mengimbas kod QR yang tertera.

Mudah-mudahan inisiatif seperti SCSN ini dapat memberikan impak positif terhadap masyarakat terutama dalam penjagaan kesihatan mental yang efektif. Semua ini perlu agar matlamat dalam Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai sebagaimana yang diharatkann.

# JASA GURU CURAHKAN ILMU TIDAK TERNILAI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Jabatan Penerangan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 September. - Pengorbanan dan jasa guru perlu dihargai kerana tanpa didikan mereka, tidaklah rakyat yang berilmu serta mengecapi kejayaan sekarang yang setentunya akan menjadi pelapis generasi pada masa akan datang.

Di sebalik kejayaan yang dikehendaki, gurulah yang mendidik dan mengajar mereka, dengan harapan ingin melihat hasil didikannya menjadi insan berjaya pada masa hadapan.

Pengorbanan seorang guru sangat besar dan tidak ternilai. Tidak dapat dinafikan bahawa menjadi seorang guru pada masa kini sangat mencabar kerana mereka perlu bergerak seiring dengan pembangunan teknologi semasa yang berkembang pesat.

Guru sentiasa menambah nilai intelektual serta kreatif dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran murid lebih berkesan



Di sebalik kejayaan yang dikehendaki, gurulah yang mendidik dan mengajar mereka, dengan harapan ingin melihat hasil didikannya menjadi insan berjaya pada masa hadapan (kiri dan kanan).

kerana tugas dan tanggungjawab berat yang digalas oleh guru dalam mendidik anak-anak murid memerlukan komitmen yang sangat tinggi dan ilmu pengetahuan yang luas.

Justeru, kita mestilah menghormati

dan menghargai pengorbanan yang telah dilakukan oleh mereka kerana kedudukan guru sangat mulia yang perlu dihormati dan dikenang jasanya sepanjang hayat.

Sebagai memperingati dan menghargai sumbangan serta

jasa para guru dalam usaha untuk memartabatkan profesi perguruan, Negara Brunei Darussalam menyambut Sambutan Hari Guru setiap 23 September.

Sambutan Hari Guru setiap tahun itu melambangkan penghargaan

besar negara dan masyarakat kepada mereka atas jasa dan bakti yang dicurahkan. Terima kasih diucapkan pada seluruh para guru atas kesabaran dan pengorbanan yang telah dilakukan sepanjang hayat.

## Atasi stigma kesihatan mental



**AWANG** Muhammad Aamirul Asyraaf bin Haji Ainolnizam.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 September. - Kesihatan mental telah menjadi salah satu isu kesihatan global yang dialami oleh berjuta rakyat di seluruh dunia.

Ia adalah aspek penting dalam kehidupan yang tidak boleh diabaikan. Kepakaan terhadap kesihatan mental adalah langkah positif, namun masih banyak yang perlu dilakukan untuk menghapuskan stigma dan meningkatkan akses kepada bantuan.

Menghapus stigma terhadap kesihatan mental memerlukan usaha bersama dari semua termasuk individu, masyarakat dan institusi. Dengan meningkatkan kesedaran, mempromosikan perbincangan terbuka, dan menyediakan sokongan yang diperlukan, kita dapat mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan empati terhadap isu kesihatan mental.

"Bagi pandangan saya secara peribadi kesihatan mental ini perlu difahami dan dide dahukan di khalayak ramai termasuklah kalangan pelajar peringkat rendah.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Dayang Hajah Florinda Haji Mejenis, Dayang Hajah Safiah, Muhammad Aamirul Asyraaf Haji Ainolnizam

Kerana tanpa disedari kesihatan mental boleh terjadi sejak di dalam persekolahan lagi seperti kesbuli, kes penderaan, gangguan seksual, kegagalan, kecawa dan kesunyian akibat kehilangan insan yang dicintai.

"Ke arah ini kita selaku keluarga, teman yang terdekat, guru dan masyarakat yang mengetahui gejala ini wujud pada seseorang, sewajarnya mengambil peranan untuk mengajak mereka keluar daripada tekanan mental," demikian jelas Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis semasa mengongsikan pandangannya kepada pihak Pelita Brunei mengenai sejauh mana kepekaan orang ramai terhadap isu kesihatan mental.

Beliau menambah, perubahan yang dialami akan ketara, bila mereka mengasingkan diri, tidak mahu bergaul, bercakap tidak keruan atau tiba-tiba menangis.

Sebagai insan yang terdekat tambahnya, kita seharusnya memastikan mereka yang menghadapi tekanan ini sentiasa dipeduli dengan memberikan kata-kata motivasi, mengajak berkumpul bersama ataupun berhubung secara panggilan video (video call).

"Mereka yang mengalaminya perlu lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, mentaddaburi diri dengan Al-Quran, memperbaikkan berselawat dan ikuti aktiviti-aktiviti yang membawa ketenangan dan kelapangan jiwa.

"Bermuhasabah

kerana ujian ini mengangkat

martabat kita. Keluarlah daripada kesedihan, dapatkan pandangan dari yang berilmu, berpandangan luas, agar kesihatan mental dapat ditangani," ujarnya.

Sementara itu, Dayang Hajah Safiah dari Kampung Gadong pula menyatakan, bagi beliau sendiri yang datang daripada generasi X (lahir tahun 1971), selama membesar, tidak banyak pendedahan tentang isu-isu kesihatan mental kerana pada zaman dulu, kes-kes mental dianggap sebagai 'aib' justeru masyarakat dahulu tidak secara sukarela datang ke hospital untuk meminta bantuan khidmat psikiatri ataupun psikologi.

Namun ia sudah berbeza pada masa ini tambahnya, kerana orang ramai sudah mulai peka dan semakin ramai yang tampil sendiri untuk meminta pertolongan secara klinikal.

Manakala menurut Dr. Nurefnazahani binti Haji Durani yang bertugas di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, di era digital kini, kesedaran mengenai kesihatan mental semakin meningkat dalam kalangan orang ramai, namun tahap kesedaran tersebut masih berbeza-

beza bergantung pada pendidikan, budaya dan akses kepada rawatan. Menerusi media sosial dan kempen awam daripada pihak kerajaan, swasta atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah banyak membantu meningkatkan kesedaran awam, tetapi stigma dari keluarga

terdekat atau kawan rapat masih menghalang sesetengah individu daripada mendapatkan bantuan daripada pihak yang berkenaan, ujarnya.

"Untuk mengatasi masalah ini, penting untuk meningkatkan kesedaran, mendapatkan sokongan profesional daripada pakar yang berdekatan, menyediakan sokongan sosial dari **DAYANG** Hajah Florinda binti Haji Mejenis.

wujud, yang menyebabkan individu kurang berani untuk mencari bantuan, oleh itu masyarakat perlu lebih memahami isu ini agar mereka dapat memberikan sokongan yang lebih baik kepada yang memerlukan.

Beliau menambah, antara langkah untuk mengatasi masalah kesihatan mental ialah dengan menawarkan pelbagai pendekatan seperti terapi, sokongan dari keluarga dan komuniti, serta perkhidmatan kesihatan yang lebih mudah diakses.

"Walau bagaimanapun, masih ada cabaran dalam hal akses dan pemahaman mengenai rawatan yang tersedia. Memperkuat pendidikan tentang kesihatan mental adalah penting agar lebih ramai orang bersedia untuk mendapatkan bantuan dan membantu mengurangkan stigma," ujarnya.



DAYANG Hajah Safiah.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak**

Barisan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
KEMENTERIAN KUPANGAN DAN EKONOMI

Dapat harga di seluruh negara dengan PenggunaBijak

Smartphone

Available on the App Store Google play



**BEIRUT**, 24 Sept. - Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) pada Isnin memberi amaran tentang 'kesan yang dahsyat' bagi seluruh rantau sekiranya serangan Israel di selatan Lubnan terus meningkat, lapor Agensi Anadolu.

Pada awal pagi Isnin, tentera Israel melancarkan serangan

## UNIFIL BERI AMARAN 'KESAN DAHSYAT' SEKIRANYA KETEGANGAN BERTERUSAN DI SELATAN LUBNAN

besar-besaran ke seluruh kawasan selatan dan timur Lubnan, menyebabkan ratusan terbunuh dan cedera.

Dalam satu kenyataan, UNIFIL menyuarakan keimbangan terhadap keselamatan orang awam di selatan Lubnan di tengah-tengah pengeboman paling sengit oleh Israel sejak Oktober tahun lalu.

ia memberi amaran bahawa

peningkatan serangan dalam situasi berbahaya ini boleh membawa kesan yang meluas dan dahsyat, bukan sahaja kepada Lubnan, malah 'rantau yang lebih luas'.

Ketua Misi UNIFIL Jeneral Aroldo Lazaro Saenz sedang berhubung dengan kedua-dua pihak, menekankan keperluan mendesak untuk meredakan ketegangan.

Usaha sedang dijalankan untuk

mengurangkan ketegangan dan menghentikan serangan."

"UNIFIL sekali lagi mengulangi seruannya yang tegas untuk penyelesaian diplomatik dan mendesak agar mengutamakan nyawa orang awam serta memastikan mereka tidak terdedah kepada bahaya," menurut kenyataan itu.

Pihak berkuasa kesihatan Lubnan memaklumkan sekurang-kurangnya 274 orang, termasuk 21 kanak-kanak terbunuh dan 1,024 yang lain cedera akibat serangan Israel sejak pagi Isnin, dengan

ribuan penduduknya terpaksa meninggalkan kediaman mereka.

Ketegangan antara Hizbullah dan Israel memuncak selepas serangan udara yang berlaku pada Jumaat, yang mengorbankan sekurang-kurangnya 45 orang, serta ramai lagi cedera di kawasan pinggir bandar Beirut.

Hizbullah mengesahkan bahawa sekurang-kurangnya 16 anggotanya, termasuk pemimpin klan Ibrahim Aqil dan komander tertinggi Ahmed Wahbi, terbunuh dalam serangan udara Israel itu. - ©BERNAMA

## Jepun keluarkan amaran tsunami selepas gempa bumi 5.9 pada skala richter

**TOKYO**, 24 Sept. - Agensi Meteorologi Jepun mengeluarkan amaran tsunami, dengan ombak tsunami setinggi satu meter dijangka tiba di Kepulauan Izu dan Ogasawara sekitar 9 pagi waktu

tempatan.

Amaran dikeluarkan bagi menggesa penduduk menjauhi kawasan pantai selepas gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter melanda kepulauan Jepun

pada pagi Selasa, lapor Xinhua.

Gempa bumi yang berlaku pada 8:14 pagi waktu tempatan itu berpusat berhampiran Kepulauan Torishima pada kedalaman 10 kilometer. - ©BERNAMA

## UAE terus sokong penjagaan kesihatan di Gaza dengan kerjasama WHO

**ABU DHABI**, 23 Sept. - Hospital medan Emiriah Arab Bersatu (UAE) di Rafah mengalui-alukan kunjungan delegasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menilai inisiatif perubatan, mewujudkan mekanisme kerjasama, bertukar pengetahuan serta menyerlahkan sumber dan peralatan perubatan UAE yang didedikasikan untuk meringankan penderitaan rakyat Palestin di Gaza.

Agensi Berita Emirates (WAM) melaporkan bahawa sebagai sebahagian daripada Operasi 'Chivalrous Knight 3' yang sedang berlangsung, UAE telah menyediakan 12 tan bantuan perubatan, ubat-ubatan dan bekalan penting kepada WHO untuk menyokong hospital serta institusi penjagaan kesihatan di tengah-tengah situasi yang mencabar di Gaza.

Semasa pertemuan itu, kedua-dua pihak bersetuju mengenai kepentingan menyelaraskan usaha bersama untuk memindahkan mangsa yang cedera dan mengesahkan komitmen hospital untuk terus menerima pesakit bagi memenuhi keperluan kesihatan kritikal di Gaza.

Mereka juga bersetuju untuk bekerjasama bagi memastikan bekalan bantuan perubatan yang berterusan dan menangani kekurangan penjagaan kesihatan.

Kedua-dua pihak turut membincangkan rancangan perubatan bagi membantu rakyat Palestin, termasuk penyediaan perkhidmatan perubatan penting, mewujudkan mekanisme penyelaras untuk menyokong sektor penjagaan kesihatan serta membantu kanak-kanak yang menghidap kanser dengan

memudahkan rawatan mereka di luar negara selain membekalkan ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang diperlukan.

Lawatan itu merupakan bukti kepada misi kemanusiaan berterusan hospital medan UAE dan komitmennya untuk memperkuuh kerjasama perubatan dengan WHO. Sejak penubuhannya, hospital berkenaan telah memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan di Gaza.

Delegasi WHO memuji usaha kemanusiaan UAE dalam penjagaan kesihatan dan komitmennya yang tidak berbelah bahagi untuk menyediakan bantuan perubatan kepada mereka yang cedera di Gaza, walaupun dalam keadaan yang mencabar. - ©BERNAMA

## Pemimpin NPP Anura Kumara Dissanayake dipilih sebagai Presiden Sri Lanka

**COLOMBO**, 23 Sept. - Calon Parti National People's Power (NPP) Anura Kumara Dissanayake muncul sebagai pemenang dalam pilihan raya presiden Sri Lanka yang diadakan pada Sabtu, menurut Suruhanjaya Pilihan Raya pada Ahad, lapor Xinhua.

Memandangkan tiada calon memperoleh lebih daripada 50 peratus undi, Suruhanjaya Pilihan Raya mengira pilihan kedua dan ketiga daripada dua calon utama, kali pertama dalam sejarah pilihan raya presiden Sri Lanka.

Dissanayake memperoleh 5,634,915 undi pada kiraan

pertama dan 105,264 undi mengikut keutamaan semasa kiraan kedua. Calon Parti Samagi Jana Balawegaya yang juga pesaing utamanya Sajith Premadasa memperoleh 4,363,035 undi dalam kiraan pertama dan 167,867 undi mengikut keutamaan pada kiraan kedua.

Dalam hantaran di platform media sosial X selepas keputusan pilihan raya diumumkan, Dissanayake berkata: "Jutaan mata yang dipenuhi dengan harapan dan jangkaan mendorong kami ke hadapan, dan bersama-sama, kami

bersedia untuk menulis semula sejarah Sri Lanka."

Penyandang presiden Ranil Wickremesinghe, gagal dengan jumlah keseluruhan 2,299,767 undi. Menurut Bahagian Media Presiden, Wickremesinghe menyampaikan ucapan khas selepas keputusan diumumkan.

Beliau berkata bahawa rakyat negara itu telah membuat keputusan dalam pilihan raya presiden, dan mereka mesti menghormati keputusan berkenaan serta bertindak mengikut mandat itu untuk memastikan kelancaran pentadbiran negara. - ©BERNAMA

## Angkasawan Rusia kembali ke bumi selepas 374 hari berada di ISS

**ISTANBUL**, 24 Sept. - Dua angkasawan Rusia kembali ke Bumi selepas menghabiskan 374 hari di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan agensi angkasa negara itu pada Isnin.

Roscosmos menerusi platform Telegram memaklumkan kapsul Soyuz MS-25 yang membawa Oleg Kononenko dan Nikolay Chub mendarat berhampiran bandar Jezkazgan di Kazakhstan pada 2.59 petang waktu Moscow (1159GMT).

Kapsul itu turut membawa angkasawan NASA, Tracy Dyson, yang berada di orbit selama 184 hari. Menurut Roscosmos, Kononenko dan Chub mencatat rekod paling lama berada di stesen itu.

Dengan kepuangannya, Kononenko turut mencatat rekod baharu berada di angkasa lepas dengan jumlah 1,111 hari sepanjang menyertai lima misi. Rekod bagi tempoh keberadaan tunggal paling lama di angkasa masih dipegang oleh Valery Polyakov, yang berada di orbit selama 438 hari pada 1994-1995 di stesen angkasa Mir. - ©BERNAMA

## China di kedudukan ketiga dalam nilai pelaburan di negara ASEAN

**VIENTIANE**, 23 Sept. - China menduduki tempat ketiga dalam nilai pelaburan dalam kalangan negara ASEAN, menurut Menteri Perindustrian dan Perdagangan Laos Malaythong Kommasith, lapor Agensi Berita Laos (KPL).

Bercakap pada Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN ke-23 pada Ahad yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri Perdagangan China Li Fei, Malaythong menekankan hubungan ekonomi yang kukuh antara ASEAN dan China.

Pada 2023, perdagangan antara ASEAN dan China berjumlah US\$702 bilion merangkumi 19.7 peratus daripada keseluruhan perdagangan ASEAN, menjadikan China sebagai rakan perdagangan terbesar di rantau ini.

Pelaburan langsung asing (FDI) China di ASEAN mencecah US\$17.3 bilion atau 7.5 peratus daripada jumlah keseluruhan FDI di rantau ini, menjadikan China sebagai pelabur asing ketiga terbesar.

Malaythong turut melahirkan keyakinan terhadap kerjasama masa depan berikutnya rundingan untuk menaik taraf Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (FTA) kepada versi 3.0.

Mesyuarat itu turut mengkaji kemajuan kerjasama ekonomi dengan tumpuan kepada peningkatan FTA, e-dagang, dan persiapan untuk Sidang Kemuncak ASEAN-China pada Oktober 2024. - ©BERNAMA

## Puteri Wales buat penampilan umum pertama sejak selesai rawatan kemoterapi

**WASHINGTON**, 23 Sept. - Puteri Wales Kate Middleton pada Ahad membuat penampilan umum pertamanya sejak mengumumkan selesai menjalani rawatan kemoterapi, lapor United Press International (UPI).

Puteri Catherine, 42, menghadiri upacara keagamaan bersama suaminya Putera William serta anggota keluarga diraja lain di Gereja Crathie Kirk berhampiran Istana Balmoral di Scotland. Akbar The Sun menyiaran gambar beliau tersenyum ketika duduk di tempat duduk penumpang dalam kereta yang dipandu Putera William. Beliau memakai topi berwarna hijau gelap dengan bulu di tepinya dan mengenakan kot bercorak tartan berwarna coklat.

Awal bulan ini, Kate berkata beliau berasa lega untuk menyelesaikan rawatan kemoterapi, yang diumumkan pada Mac, ketika beliau juga mendedahkan diagnosis kansernya. Pada Selasa, dilaporkan bahawa puteri itu telah kembali bertugas. - ©BERNAMA

# MAKAN MALAM SEMPENA KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 September. - Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024, menandakan kali kedua Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan kejohanan antarabangsa dalam Kalender Wushu, di mana pada tahun 2019, NBD menjadi tuan rumah Kejohanan Wushu Remaja Asia Ke-10 di Bandar Seri Begawan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Majlis Makan Malam Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 yang berlangsung di Dewan Munawwarah, Setia Point Berakas, di sini.

"Kami berterima kasih kepada Persekutuan Wushu Asia atas pengalaman tersebut dan kami sekali lagi berterima kasih kepada Persekutuan Wushu Antarabangsa, kerana memberi peluang untuk menganjurkan satu lagi acara antarabangsa yang berprestij," ujar Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda juga selaku tetamu kehormat majlis.

Seperi setiap pertandingan antarabangsa tambah Yang Berhormat, kejohanan tersebut bertujuan untuk seajar dengan Matlamat Pembangunan Mampang (SDG).

Melalui komitmen yang teguh daripada ahli jawatankuasa, atlet, dan semua yang terlibat tekan Yang Berhormat, dedikasi dan kerja keras awda dalam menyusun acara ini telah menunjukkan peranan besar sukan dalam mempromosikan kesihatan, pendidikan, kesaksamaan jantina dan keamanan.

Yang Berhormat turut mengambil maklum bahawa pertandingan berkenaan melibatkan penyertaan seramai 313 lelaki dan 188 perempuan, yang mana ini mewakili 37 peratus peserta wanita dalam acara ini, dan juga merupakan peluang untuk kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan dalam komuniti sukan untuk mencapai SDG 17 melalui perkongsian matlamat.

"Saya juga berbangga untuk berkongsi bahawa lebih 150 sukarelawan belia telah mendaftar untuk membantu pengajur semasa pertandingan ini, menunjukkan bahawa ini lebih daripada sekadar satu acara; ia adalah komitmen untuk masa depan di mana setiap orang muda berpeluang untuk berkembang maju melalui sukan. Bersama-sama, kita membina

YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada ketua-ketua pasukan pada Majlis Makan Malam Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 (kanan dan kiri).

komuniti yang memperkasakan dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang," ujar Yang Berhormat lagi.

Majlis Makan Malam Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 adalah bagi meraikan kedatangan atlet-atlet dari 50 negara.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai yang dikepalai oleh Pegawai Penganalisa Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan dari Presiden Persatuan Wushu Brunei Darussalam, Awang Lim Boon Hwa dan diikuti dengan ucapan tetamu kehormat majlis bagi mengalu-alukan ketibaan para delegasi.

Kemudian, majlis diselajurkan dengan penyampaian cenderamata kepada ketua-ketua pasukan dari 50 negara yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut menyaksikan Persembahan Lagu Tema Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, Tahun 2024 serta Persembahan Kebudayaan.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, 2024 dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Persekutuan Wushu Brunei Darussalam yang akan berlangsung bermula pada 25 hingga 29 September 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB); dan Dewan Serbaguna, KSNHB.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia ialah acara kejohanan bertaraf dunia yang berlangsung setiap dwitahunan dan merupakan



kejohanan remaja kemuncak rasmi International Wushu Federation (IWUF) yang menampilkan tahap daya saing tertinggi di kalangan atlet remajanya.

Persekutuan Wushu Brunei Darussalam telah diberi kepercayaan ke atas pengajuran Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, 2024 di bawah naungan IWUF.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), KKBS, Pengiran Haji Mohd.

Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, Tahun 2024; Naib Presiden Persatuan Wushu Brunei Darussalam, Awang Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman, selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, Tahun 2024; Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, atlet-atlet dari 50 negara dan Jawatankuasa Kerja Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, Tahun 2024.



SEKITAR Majlis Makan Malam Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 yang berlangsung di Dewan Munawwarah, Setia Point Berakas.

## BHM diiktiraf World Athletics Certified Course



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**JERUDONG,** Selasa, 24 September. - Syarikat AKIF Media Marketing & Events teruja memaklumkan bahawa Brunei Half Marathon 2024 (BHM2024) mencipta sejarah dengan menjadi acara pertama di negara ini yang menerima pengiktirafan World Athletics Certified Course untuk

laluan 21 kilometer (km) dan 10km. Pengiktirafan daripada World Athletics, yang berpangkalan di Monaco ini, adalah bukti kepada kualiti dan pengajuran yang luar biasa bagi Brunei Half Marathon.

Selain itu, acara ini juga telah diterima sebagai ahli penuh oleh The Association of International



Marathons and Distance Races (AIMS), yang mengukuhkan lagi kedudukannya dalam kalangan acara larian jarak jauh terkemuka.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran BHM2024 Edisi BMW berlangsung di Tarindak d'Polo Jerudong, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Pada majlis berkenaan, Pengarah Perlumbaan BHM2024, Pengiran Danny bin Pengiran Tajuddin menerangkan gambaran ringkas mengenai BHM2024, termasuk objektif dan kepentingannya serta kesan yang dijangkakan kepada masyarakat dan budaya sukan di negara ini.

Majlis juga menyaksikan penyerahan sijil pengiktirafan World Athletics dan AIMS kepada tetamu

PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Brunei Half Marathon 2024 (BHM2024) Edisi BMW berlangsung di Tarindak d'Polo Jerudong (kiri sekali dan kiri).

kehormat oleh pihak AKIF dan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja BHM2024, dan juga para sukarelawan yang menyumbang bagi pelaksanaan BHM2024.

BHM2024 Edisi BMW akan diadakan pada 1 Disember 2024 nanti bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas di mana empat kategori dibukakan iaitu BMW 21km, 21km Open, 10km dan 2km Joy Run.

Penyertaan bagi BHM2024 dibuka sehingga 5 November 2024 atau lebih awal tertakluk jika jumlah penyertaan sudah mencapai kapasiti maksimum sebelum tarikh tersebut.



ePaper Pelita Brunei



# BERANGKAT KE MESYUARAT POST-MORTEM SUKAN OLIMPIK KE-33

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) selaku Ahli Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan berkenan berangkat ke Mesyuarat Post-Mortem Sukan Olimpik Ke-33, Paris, Perancis 2024 pada 26 Julai hingga 11 Ogos 2024 lalu yang diadakan di Dewan Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Sesi Post-Mortem dimulakan dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang

Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat seterusnya disusuli oleh Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan mempengerusikan Mesyuarat Post-Mortem yang dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi terdiri daripada wakil Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Majlis Sukan Polis Diraja Brunei, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam dan KKBS.

Sementara itu, Laporan Kontinjen Negara Brunei Darussalam pada mesyuarat tersebut disembahkan oleh Chef de Mission, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim. Mesyuarat diakhiri dengan sesi soal jawab bersama perwakilan Persatuan Sukan Kebangsaan, jurulatih dan atlet.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) selaku Ahli Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan berkenan berangkat ke Mesyuarat Post-Mortem Sukan Olimpik Ke-33, Paris, Perancis 2024 pada 26 Julai hingga 11 Ogos 2024 lalu yang diadakan di Dewan Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Kontinjen negara telah menyertai sebanyak dua acara iaitu sukan olahraga diwakili oleh atlet Awang Muhammad Noor Firdaus Ar-Rasyid berumur 28 tahun bagi Acara 100 Meter Lelaki dan sukan renang,

Awang Zeke Chan Zhi Yue berumur 17 tahun bagi Acara 100 Meter Backstroke Lelaki dan atlet wanita negara, Dayang Hayley Wong Ann Yue berumur 16 tahun dalam Acara 50 Meter Freestyle Wanita.

## Pelajari teknik, strategi daripada pesaing antarabangsa



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden BDNOC selaku Ahli Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan berkenan berangkat ke Mesyuarat Post-Mortem Sukan Olimpik Ke-33, Paris, Perancis 2024.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 September. - Penyertaan kontinjen negara ke Sukan Olimpik ini amat berharga dalam memperkuuh hubungan persahabatan antara negar-negara.

Selain itu, pengalaman yang diperoleh membolehkan atlet dan pegawai sukan tempatan mempelajari teknik dan strategi daripada pesaing antarabangsa

serta memahami budaya sukan yang berbeza.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dalam sembah alu-aluannya seterusnya menyatakan penyertaan ini juga merupakan simbol penting bagi pembangunan sukan di negara kita, menunjukkan komitmen negara untuk melibatkan diri dalam arena sukan global.

Ia memberi inspirasi kepada generasi muda untuk aktif dalam sukan dan mengejar kecemerlangan. Dengan pengalaman yang diperoleh, Yang Berhormat mengharap agar atlet-atlet negara dapat meningkatkan prestasi mereka dan mengharumkan nama negara pada masa akan datang.

Terdahulu, dalam sembah alu-aluan, Yang Berhormat menyembahkan setinggi-tinggi penghargaan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan baginda bagi kontinjen negara mengikuti Sukan Olimpik Ke-33, Paris 2024.

"Setinggi-tinggi penghargaan juga disembahkan atas sokongan yang padu, kerjasama serta dedikasi Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam (BDNOC) khususnya kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC dan kerjasama yang diberikan oleh Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Paris semasa kejohanan ini sedang berlangsung," sembah Yang Berhormat semasa Mesyuarat Post-Mortem Sukan Olimpik Ke-33, Paris, Perancis 2024 yang diadakan di Dewan Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Yang Berhormat mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam pertama kali menyertai Sukan Olimpik di Los Angeles pada tahun 1984 dan telah mengambil bahagian dalam beberapa edisi seterusnya.

Negara juga telah menghantar atlet-atlet dalam pelbagai sukan melalui program Universality Places, yang membolehkan atlet bersaing walaupun tidak memenuhi syarat kelayakan tertentu. Melalui program ini, atlet-atlet berpeluang untuk mendapat pendedahan di pentas antarabangsa.

Pada kejohanan kali ini, sembah Yang Berhormat, NBD telah menyertai dua sukan dengan tiga atlet dari sukan renang dan

sukan olahraga di bawah program Universality Places IOC.

Yang Berhormat sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada atlet-atlet yang menyertai kejohanan ini iaitu Awang Zeke Chan Zhi Yue, Dayang Hayley Wong Ann Yue dan Awang Muhammad Noor Firdaus Ar-Rasyid bin Haji Mohd. Idris.

"Sungguhpun tidak meraih sebarang pingat, jadikanlah pengalaman bersaing dengan atlet-atlet dari negara yang mempunyai kelebihan fizikal dan pencapaian tinggi di peringkat antarabangsa sebagai satu cabaran untuk meningkatkan prestasi untuk kejohanan peringkat serantau yang akan datang.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam sembah alu-aluannya.